

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
MOHD AZMIR BIN MUHAMMAD YUSOF (AMIR UKAYS),  
彭延毅  
PENYANYI LAGENDA  
MENGENAI TOKOH ARTIS VETEREN PADA TAHUN 80-AN**

**NUR ZAHIRAH BINTI MOHAMAD  
(2019627332)  
NURNABILAH FASIHAH BINTI REDUAN  
(2019208492)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022**

## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN		M/S
<b>ROMAN NUMERALS</b>	<b>Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata</b>	i ii iii iv v
<b>1.0</b>	<b>Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua</b>	1 2
<b>2.0</b>	<b>Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh</b>	3 4
<b>3.0</b>	<b>Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan</b>	5-6 6 7-8
<b>4.0</b>	<b>Kajian Literatur 4.1 Topik 1: Industri Muzik 4.2 Topik 2: Artis Veteren</b>	9-10 11-12
<b>5.0</b>	<b>Transkrip Temubual bersama Tokoh</b>	13-224
<b>6.0</b>	<b>Log Temubual</b>	225-231
<b>7.0</b>	<b>Ralat</b>	232
<b>8.0</b>	<b>Glosari</b>	233-234
<b>9.0</b>	<b>Indeks</b>	235-237
<b>10.0</b>	<b>Bibliografi</b>	238-240
<b>11.0</b>	<b>Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, Sijil-Sijil dan Hal Berkaitan</b>	241 242 243-251 252-255 256-257

## **ABSTRAK**

*Transkrip ini membincangkan mengenai pengalaman dan perjalanan hidup seorang tokoh artis veteran dalam industri seni muzik dan juga dikenali sebagai penyanyi lagenda tanah air. Beliau juga telah berkecimpung di dalam industri muzik tanah air lebih dari 30 tahun dan masih meneruskan kerjaya beliau sebagai penyanyi tanah air sehingga kini. Oleh sebab itu, kajian sejarah lisan adalah salah satu alternatif yang terbaik untuk mendalam dan merungkai perjalanan hidup seseorang artis veteran itu sepanjang beliau berada dalam industri muzik tanah air. Hal ini juga disebabkan oleh kesukaran dalam mendapatkan sumber sejarah yang lengkap bagi kajian peristiwa sejarah yang lengkap dan untuk mengkaji masalah berkaitan artis veteran yang semakin dilupakan. Bukan itu sahaja, kurangnya maklumat pendokumentasian artis veteren di kalangan masyarakat sebagai rujukan juga salah satu sebab pengkaji melakukan sejarah lisan. Transkrip ini juga untuk mendokumentasikan pengkisahan kehidupan dan memori artis veteren yang dipilih sebagai rujukan pada masa hadapan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Menerusi proses temu bual bersama tokoh kami dapat mengetahui lebih banyak perkara yang tidak pernah diceritakan di mana-mana platform. Akhir kata, pengkaji berharap agar kajian ini dapat membantu dalam mendedahkan sejarah lisan hidup tokoh ini kepada masyarakat dan negara.*

Kata kunci : Sejarah lisan, Industri seni muzik, tokoh, artis veteran, lagenda, Industri muzik tanah air.

*This transcript discusses the experience and life journey of a veteran artist figure in the music art industry and also known as the country's legendary singer. He has also been in the homeland music industry for more than 30 years and still continues his career as a homeland singer to this day. Therefore, the study of oral history is one of the best alternatives to deepen and unravel the life journey of a veteran artist throughout his time in the homeland music industry. This is also due to the difficulty in obtaining a complete historical source for the atrocities of complete historical events and to study the problems related to veteran artists who are increasingly forgotten. Not only that, the lack of endocumulation information of veteran artists in the community as a reference is also one of the reasons researchers do oral history. This transcript is also to document the life narration and memory of veteran artists selected as reference in the future. The methodology used in this study is a qualitative method. Through the process of interviews with figures we were able to find out more things that have never been told on any platform. Finally, the researcher hopes that this study can help in revealing the oral history of the life of this figure to the community and country.*

Keywords: Oral history, Music art industry, figures, veteran artists, legends, Homeland music industry.

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi, kerana dengan limpah kurnianya kami dapat menyelesaikan tugasan kod subjek Sejarah Lisan (IMR 604) iaitu tugasan transkrip dengan jayanya.

Dengan kesempatan ini, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin, Pensyarah Sejarah Lisan kerana memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada kami berdua untuk menyiapkan tugasan tersebut. Di samping itu, penghargaan diucapkan kepada pensyarah kami Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin di atas kebijaksanaan beliau dalam memberikan tunjuk ajar sepanjang menjalankan tugasan ini dari awal hingga akhir.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Mohd Azmir bin Muhammad Yusof atau lebih dikenali sebagai Amir Ukays kerana sudi berkolaborasi dan meluangkan masa bersama kami berkongsi pengalaman dan kisah hidup sepanjang berada di dalam Industri Seni Muzik Tanah Air. Tanpa kesudian beliau menjadi tokoh bagi tugasan ini, kami tidak mungkin dapat menyelesaikan tugasan ini dengan jayanya.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa, keluarga serta rakan-rakan seperjuangan di atas bantuan dan kerjasama dalam usaha melaksanakan menyiapkan tugasan ini dengan jayanya. Tanpa nasihat dan tunjuk ajar mereka, kami tidak mampu untuk menyelesaikan tugasan ini, terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan dalam melaksanakan tugasan sama ada secara langsung atau tidak. Bantuan mereka amat kami hargai kerana semua tugasan ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa bantuan dan sokongan mereka.

Terima kasih banyak-banyak.

## **SINGKATAN KATA**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
MCKK	Malay College Kuala Kangsar
UMNO	United Malays National Organisation
BN	Barisan Nasional
MBS	Methodist Boy School
LA SALLE	La Salle School
RK	Rancangan Khas
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
MCO	Movement Control Order
PKP	Perintah Kawalan Pergerakkan
IG	Instagram
BMG	Bertelsmann Music Group

## **SENARAI SINGKATAN**

MAMY: MOHD AZMIR BIN MUHAMMAD YUSOF

NZM: NUR ZAHIRAH BINTI MOHAMAD

NNFR: NURNABILAH FASIHAH BINTI REDUAN

## RUJUKAN KATA

Je	Sahaja
Camtu	Macam itu
Biashe-biashe	Biasa-biasa
Dah	Sudah
Duk	Sedang melakukan
Eak	Iya
Gini	Begini
Kat	Dekat
Kena	Perlu
Kut	Barangkali
Letrik	Eletrik
Masatu	Masa itu
Ni	Ini
Pastu	Selepas itu
Suspen	Curiga
Tak	Tidak
Tau	Tahu
Terer	Hebat
Tu	Itu
Tv	Televisyen
Yong	Along
Jap	Sekejap
Gitau	Bagi tahu
Ah	Lah
En	Bukan
Au	Tau

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## **1.0 BIODATA PENEMUBUAL**

### **1.1 PENEMUBUAL PERTAMA**



Nama:	<b>NUR ZAHIRAH BINTI MOHAMAD</b>
Tarikh Lahir:	<b>26 OKTOBER 1999</b>
Tempat Lahir:	HOSPITAL TEMENGGONG SERI MAHARAJA TUN IBRAHIM, KULAI
Alamat:	NO 10127, JALAN MERBUK 2, BANDAR PUTRA, KULAI, 81000, JOHOR.
No Telefon:	013-7972092
Emel:	nzhirahmhd.12@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

## **1.2 PENEMUBUAL KEDUA**



Nama:	<b>NURNABILAH FASIHAH BINTI REDUAN</b>
Tarikh Lahir:	27 MEI 1999
Tempat Lahir:	HOSPITAL KEM TERENDAK
Alamat:	N0 12 JLN DTS 5 TAMAN DESA TAMING SARI, 76300 SUNGAI UDANG, MELAKA.
No Telefon:	017-8788083
Emel:	Nabilahfasiyah99@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

# **BIODATA**

# **TOKOH**

## **2.0 BIODATA TOKOH**

### **2.1 BIODATA TOKOH**



Nama:	<b>MOHD AZMIR BIN MUHAMMAD YUSOF</b>
Nama Samaran:	<b>AMIR UKAYS</b>
Tarikh Lahir	<b>4 FEBRUARI 1969</b>
Tempat Lahir:	<b>KAMPUNG CHU BADAK, KUALA LUMPUR</b>
Alamat:	<b>50, JALAN DATO SENU 32, 51000, WANGSA MAJU, KUALA LUMPUR</b>
No Telefon:	<b>012-3169171</b>
Profesjon:	<b>PENYANYI</b>
Bidang:	<b>INDUSTRI SENI MUZIK</b>

## **2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH**

Tokoh yang dipilih oleh pengkaji dalam melakukan kajian sejarah lisan ini adalah Mohd Azmir bin Muhammad Yusof yang lebih dikenali dengan nama penyanyi, Amir Ukays. Beliau dilahirkan pada 4 Februari 1969 di Kuala Lumpur, Malaysia. Mulanya Mohd Azmir bin Muhammad Yusof di dalam kerjaya muzik adalah pada tahun 1989 sehingga kini iaitu masih lagi bergiat aktif sebagai penyanyi. Kategori genre muzik yang sering dibawa oleh beliau adalah genre pop, pop rock, balada dan rock.

Amir merupakan vokalis Kumpulan Analisa selama dua tahun sebelum menyertai Ukays, dari 1989 hingga 1991. Selepas Kumpulan Analisa dibubarkan pada tahun 1991, Amir menyertai kumpulan Ukay, yang kemudiannya mengubah nama mereka kepada Kumpulan Ukays di bawah arahan Saari Amri. Album Bisa Berbisa meningkatkan profil Ukays di persada muzik tempatan apabila terjual sebanyak 350,000 unit, dengan hampir kesemua lagu dalam album itu menjadi hits dan dimainkan di stesen radio tempatan. Seksa, Kau Satu-Satunya, Siapa Yang Rampas Cintamu, and Di Sana Menanti di Sini Menunggu ialah beberapa lagu paling popular daripada album iaitu Bisa Berbisa. Rekod itu kemudiannya menjadi album terlaris di Malaysia pada masa itu.

# **SEJARAH**

# **LISAN**

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Menurut Siti Roudhah saad, Ramlah Jaafar & Azlinda Wan Jan (2012), Sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu dan melalui sejarah lisan , rekod-rekod yang mempunyai sejarah suatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat kekal tersimpan di dalam memori seseorang individu yang terlibat dengan sesuatu peristiwa. Salah satu kaedah pengumpulan maklumat dalam sejarah lisan ialah melalui temubual atau wawancara yang dijalankan ke atas individu tertentu. Menurut Rozeman (2004), kajian sejarah lisan adalah satu bidang kajian yang sangat luas dan meliputi pelbagai golongan masyarakat tidak kiralah orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, penulis terkenal, pengarang korporat atau sebagainya. Bukan sahaja itu malah bidang sejarah lisan pernah dipelopori oleh Herodotus yang menjalankan proses temuramah individu untuk mengumpul dan memperoleh peristiwa-peristiwa sejarah yang dianggap sangat penting pada masa lampau, beliau juga telah dianggap sebagai “Bapa sejarah dan perintis dalam bidang kajian sejarah lisan (Starr, 1984).

Lanjutan daripada itu, Sejarah Lisan kemudiannya dipelopori oleh Thucydides yang mana beliau menulis sejarah lisan menggunakan pengalaman tentera-tentera yang terlibat dalam pererangan Peloponnesian (Morisson,1988). Namun begitu, Menurut Siti Roudhah saad, Ramlah Jaafar & Azlinda Wan Jan (2012), sejarah lisan juga boleh dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup atau pun yang telah meninggal dunia. Contohnya, di Malaysia untuk tokoh yang masih hidup adalah seperti individu yang terlibat dalam peristiwa sewaktu Jepun berada di Tanah Melayu, pejuang-pejuang kebangsaan dan merdeka. Tetapi, bagi tokoh yang telah meninggal dunia seperti Tun Hussein Onn dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, pengkaji boleh memperoleh maklumat daripada kenalan yang rapat seperti ahli keluarga atau kenalan rapat (Siti Roudhah saad, Ramlah Jaafar & Azlinda Wan Jan 2012). Tambahan pula, para pelajar yang mengambil kursus sejarah lisan akan dibawa untuk menemuramah individu berkaitan dengan topik-topik yang dipilih oleh mereka (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007).

Di samping itu, menurut Universiti Malaya (2021), Sejarah lisan adalah bidang pengajian dan juga satu kaedah dimana ia perlu mengumpulkan dan menafsirkan suara dan kenangan

seseorang individu, masyarakat, peserta yang terlibat dalam peristiwa masa lalu. Bahkan, sejarah lisan juga merupakan penyelidikan sejarah yang paling tua didahului dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan bagi pada masa kini teknologi digital abad ke-21 yang banyak digunakan (OHA,2021). Menurut Sugeng (2017), perbahasan sejarah lisan dimulakan dengan perkara yang bersifat umum kepada yang khusus berkenaan ruang lingkup dan praktik sejarah lisan merangkumi konsep kelisanan, pendokumentasian sejarah dan juga pelaku sejarah.

### **3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN**

Menurut Dr Fariza Khalid (2021) ada menyatakan bahawa objektif kajian merupakan kesinambungan daripada masalah kajian dalam pernyataan masalah kajian. Terdapat dua jenis objektif iaitu objektif umum yang memberi maksud objektif yang bersifat menyeluruh manakala objektif khusus membawa kepada objektif yang mempunyai tujuan terperinci. Kajian yang dijalankan ini lebih kepada jenis objektif khusus iaitu lebih tertumpu kepada tokoh artis veteran di Malaysia. Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai dari kajian ini iaitu:

- 1) Untuk mendokumentasikan pengisahan kehidupan dan memori artis veteran yang dipilih sebagai rujukan pada masa hadapan.
- 2) Untuk mengetahui liku-liku dan cabaran kehidupan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan sebagai rujukan sejarah lisan.
- 3) Untuk menambah koleksi pendokumentasian sejarah lisan berkaitan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan sebagai rujukan.

### **3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN**

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2017) menyatakan kepentingan memberi maksud sesuatu yang penting demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri, faedah dan manfaat manakala sumbangan memberi maksud bantuan atau pertolongan yang diberikan. Berikut merupakan kepentingan dan sumbangan kajian yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu individu, masyarakat dan industri muzik yang akan diterangkan dengan lebih lanjut di bawah:

#### ***3.3.1 Individu***

Kepentingan sejarah lisan berkaitan tokoh artis veteran yang dijalankan adalah untuk memberi pengetahuan yang wajar untuk diketahui bagi seseorang individu. Bukan itu sahaja, dengan kajian ini juga dapat membantu dalam kalangan remaja yang ingin menceburi dalam bidang industri muzik, supaya mereka juga dapat mengikut jejak seperti artis veteran pada suatu ketika dahulu. Walhal, melalui kajian ini juga membolehkan individu untuk menambahbaik dari segi persiapan kendiri yang ingin menceburi dalam bidang industri kerana sememangnya dalam industri ini mempunyai kebaikan. Oleh itu, individu yang dikaji berkaitan dengan sejarah lisan ini akan dijadikan sebagai sejarah yang patuh dicontohi ataupun tokoh yang berguna untuk kegunaan pada masa akan datang.

#### ***3.3.2 Masyarakat***

Kepentingan sejarah lisan berkaitan tokoh artis veteran ini dijalankan adalah untuk memelihara dan menambahkan sumber-sumber yang penting berkaitan dengan sejarah mahupun informasi berkaitan dengan tokoh iaitu bagi kegunaan pada masa akan datang kepada masyarakat. Sebagai contoh, menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan (2007), bagi memajukan penulisan sejarah Malaysia, penulisan kebiasannya tertumpu kepada orang ternama dan peristiwa besar. Akibatnya, tajuk berdasarkan sejarah tempatan dan negeri sering dilupakan. Di sinilah Sejarah Lisan berguna kerana rakyat biasa supaya tidak mengabaikan bahan bertulis yang mempunyai nilai sejarah.

### **3.3.3 *Industri Muzik***

Sumbangan sejarah lisan bekaitan artis veteran dari segi industri muzik yang dijalankan adalah untuk memberikan satu pencerahan yang baik. Oleh hal yang demikian, kita boleh lihat dengan industri kini yang mana mereka masih belum mendapatkan tarikan sepenuh hati daripada pendengar berbanding dengan artis-artis veteran. Justeru, dengan kajian ini juga kita dapat memberi galakkan yang positif untuk anak-anak muda yang ingin menceburi bidang industri muzik ini. Bukan itu sahaja, dari segi industri muzik terkini juga boleh ditambahbaik dari segi lirik yang baik yang menjadi tarikkan kepada pendengar.

# **KAJIAN**

# **LITERATUR**

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

### **4.1 TOPIK 1: INDUSTRI MUZIK**

Muzik menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan, bunyi-bunyian; pemuzik ahli muzik, pemain alat muzik, atau pengubah muzik. Menurut Coloma (2005) muzik mampu memberi kesan kepada emosi dan kepada masyarakat keseluruhan yang mana dipercayai mampu memberi ketenangan, jalinan dalam perhubungan dan mempunyai kaitan dengan perniagaan. Seni adalah penzahiran rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia yang dilahirkan dengan perantaraan alat komunikasi ke dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh pancaindera pendengar iaitu seni suara atau seni lukis, atau pun ianya dilahirkan dengan perantaraan gerak sama ada melalui seni tari atau drama (Lukmanul Hakim Hanafi, Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan Raja Raziff Raja Shaharuddin, 2014).

Industri muzik ialah perkara yang subjektif dan umum di mana ia boleh dibahagikan dalam pelbagai bentuk dan juga jenis. Sebagai contoh, muzik dalam industri profileman, muzik dalam industri penyiaran dan juga muzik dalam industri rakaman album komersial. Menurut Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fauziah Kartini Hassan Basri (2010) mengatakan muzik adalah salah satu unsur dalam kehidupan yang sangat anjal sifatnya, kerana itu pengertian dan fungsi muzik dalam kehidupan adalah pelbagai. Sebagai contoh, fungsi muzik boleh dianggap sebagai hiburan kerana muzik dianggap satu bidang budaya yang sangat berpengaruh dan berkuasa. Pada pandangan saya, saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fauziah Kartini Hassan Basri (2010) tentang industri muzik yang bersifat anjal di mana ia memang memberi impak yang besar dalam kalangan masyarakat dari zaman dahulu lagi. Contohnya, muzik seni dan muzik popular yang terkenal pada zaman selepas kemerdekaan.

Berbeza dari seni muzik yang merupakan “instrumental art”, seni vokal pula merupakan seni yang diungkapkan menggunakan suara seseorang individu yang akan diiringi dengan irama-irama “instrumental art”. Menurut Lukmanul Hakim Hanafi, Zulkifli Mohamad Al-Bakri & Raja Raziff Raja Shaharuddin (2014), seni vokal adalah seni yang diungkapkan dengan

cara melagukan syair atau lirik melalui perantaraan oral (suara saja) tanpa iringan instrumen muzik. Seni vokal tersebut boleh digabungkan dengan alat-alat muzik tunggal seperti gitar, biola, piano, dan lain-lain atau dengan alat-alat muzik majmuk seperti band, orkes simfoni atau orkestra dan sebagainya. Walaubagaimanapun nyanyian pula merupakan seni daripada suara manusia yang keluarnya dari mulut dengan mempunyai maksud dan kata kata yang baik seperti sajak, syair atau lagu-lagu yang membawa mesaj tertentu di samping dipersembahkan dengan mengawal irama suara dan nada tinggi dan juga rendah demi menghasilkan kesedapan dan kemerduan penyampaian sesuatu lagu (Lukmanul Hakim Hanafi, Zulkifli Mohamad Al-Bakri & Raja Raziff Raja Sharuddin,2014). Intihanya, muzik dan nyanyian adalah suatu perkara yang berbeza di mana muzik ialah seni bunyi walhal bagi nyanyian pula ia merupakan seni suara. Muzik juga ialah bunyi yang menarik dan menghiburkan dan ia terhasil dari satu komponen atau alatan yang diatur bagi menghasilkan irama yang merdu (Lukmanul Hakim Hanafi, Zulkifli Mohamad Al-Bakri &Raja Raziff Raja Sharuddin, 2014).

## **4.2 TOPIK 2: ARTIS VETEREN**

Artis ialah orang yang kerjanya atau minatnya dalam mencipta hasil seni dalam lukisan ataupun penghibur seperti penyanyi, pelakon dan sebagainya. Lanjutan dari itu, rakaman penyanyi atau pemuzik yang merakamkan persembahannya dalam sesebuah album dengan syarikat rakaman mengikut kontrak tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Manakala, veteran pula ialah orang yang telah banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Menurut Educalingo (2021) artis juga merujuk kepada seseorang yang kreatif, atau inovatif dan juga mahir dalam sesuatu bidang seni, dan istilah artis ini juga telah pun digunakan seawall tahun 1980-an untuk menggantikan perkataan seniman dan seniwati kerana ia lebih menarik mengikut peredaran zaman.

Walaubagaimanapun, sesetengah penyanyi atau pelakon tidak suka dipanggil dengan gelaran artis veteran kerana mereka menganggap artis veteran sebagai seseorang yang sudah tidak bergiat aktif atau sudahpun bersara dalam sesuatu bidang yang diceburinya. Hal ini diSo [jadi]kong melalui artikel daripada MalaysiaKini 2018 iaitu kenyataan daripada Ramlah Ram, di mana artis veteran adalah golongan artis yang telah bersara daripada pekerjaan seni yang mereka lakukan dan menurut penyanyi tahun 80-an, gelaran artis lagenda atau otai lebih sedap didengari dan sesuai untuk artis yang telah lama bergiat dalam industri seni kerana ia dianggap dihargai dan disayangi selama-lamanya, malah gelaran artis veteran tidak lagi relevan bagi diri seseorang artis yang masih aktif dalam bidang yang mereka ceburi.

Menurut Helmi (2019), barisan selebriti pelakon dan penyanyi pada era 1960-an hingga 1990-an sememangnya memiliki lebih ramai penggemar berbanding artis zaman millennium, hal ini kerana pelakon dan penyanyi ada era 1960-an memiliki kualiti nyanyian dan juga lakonan yang amat bagus. Hal ini dibuktikan dengan dimana artis lama yang membuat konsert disebabkan permintaan daripada ramai peminat dan kebanyakkan konsert besar juga didominasi oleh artis-artis lama (Aziz Itar, 2011). Sebagai contoh, Kumpulan Rock Search dan Wings yang membuat konsert bergerak dan ia mendapat sambutan hangat lebih daripada dua puluh ribu penonton.

Program temubual yang bertajuk “Yang Dulu” di mana ia akan menceritakan atau mengkongsikan pelbagai kisah duka dan juga perkongsian emosi dan pengalaman yang tidak pernah artis veteran kongsikan dimana-mana platform online atau masyarakat umum secara

terbuka sebelum ini (BuzzingMalaysia, 2021). Lanjutan daripada itu, menurut Astro Awani (2021), iaitu Aznil Hj Nawawi dalam program televisyen yang bertajuk “Yang Dulu” itu juga sarat menyimpan nilai kasih sayang dan penghargaan terhadap penyanyi, pelakon, bintang lama dan pelawak-pelawak lama. Beliau juga menyatakan bahawa legenda-legenda ini mempunyai kehidupan ataupun perjalanan yang teramat berbeza dengan anak-anak seni zaman millenium, hal ini kerana legenda-legenda ini bersusah payah memerah keringan bagi mendapat tempat dalam bidang seni (Astro Awani,2021).

**TRANSKRIP**  
**TEMUBUAL**  
**BERSAMA TOKOH**

## **5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Warabarakatuh dan Selamat Sejahtera.** Berikut adalah temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang industry muzik. Bersama kami adalah Encik Mohd Azmir bin Muhammad Yusof atau lebih dikenali dengan Encik Amir Ukays yang merupakan penyanyi lagenda Malaysia. Rakaman ini diajalankan pada tarikh 25 November 2021 bersamaan dengan hari Khamis iaitu pada 9.36 pagi di Naili's Sentul Restaurant. Temu bual ini dikendalikan oleh saya sendiri iaitu Nur Zahirah Binti Mohamad dan juga pasangan saya NurNabilah Fasihah binti Reduan. Dengan segala hormatnya temubual ini akan dimulakan.

**NZM:** K. Kita masuk kepada soalan yang pertama [1] la eh.

MAMY: Boleh.

**NZM:** Okey, boleh tak Encik Amir ceritakan serba sedikit berkaitan dengan latar belakang hidup Encik Amir? Maksudnya diri macam tu.

MAMY: Okey, saya dilahirkan pada empat [4] februari 1969.

**NZM:** 1999?

MAMY: 1969.

**NZM: Okey (ketawa besar).**

MAMY: Di Kuala Lumpur [Malaysia].

**NZM: Ohh Kuala Lumpur[Malaysia].**

MAMY: Dan mempunyai enam [6] orang adik beradik.

**NZM: Enam [6] orang adik beradik.**

MAMY: Dan saya nombor yang keempat [4].

**NZM: Ohhh Encik Amir merupakan anak yang keempat [4].**

MAMY: Dua [2] orang kakak, satu [1] orang abang, dua [2] orang adik.

**NZM: Ohh (ketawa besar) lelaki maksudnya tiga [3] orang.**

MAMY: Lelaki empat [4].

**NZM: Ohh, Lelaki empat [4], Perempuan dua [2].**

**NNFR: Sorang [1] \_\_ dua [2] orang perempuan? (Menunjuk 2 jari)**

MAMY: Kakak lah. Okey. Keluarga saya sebenarnya berasal daripada iaitu warga asal daripada arwah mak dengan bapak saya berasal daripada Lenggong, Perak [Malaysia].

**NZM: Ohh Lenggong [Perak, Malaysia].**

MAMY: Jadi, mereka berhijrah ke Kuala Lumpur [Malaysia] pada tahun (berfikir) kalau tak silap saya sembilan belas [19] (sambil berfikir) saya lahir enam puluh sembilan [69] (sambil menunjuk jari satu jari ke arah meja) di Kuala Lumpur [Malaysia] maknanya sebelum tu lagilah. Daripada Lenggong, Perak [Malaysia] keluarga saya ni berhijrah ke Kuala Lumpur [Malaysia]. Kemudian arwah bapak saya dia masatu dia mendapat tawaran menjadi (gagap) askar British.

**NZM: Ohhh.**

MAMY: Lama an.

**NZM: Aha, lama sangat tu.**

**NNFR: Askar British.**

MAMY: Lama nih kisah lama, sebelum tiga belas [13] Mei 1969. Maknanya saya lahir bulan Februari.

**NZM: Ehh lama.**

MAMY: Peristiwa berdarah.

**NZM: Enam belas [16] Mei ehh tiga belas [13] Mei.**

MAMY: Tiga belas [13] Mei (sambil mengangguk).

**NNFR: Ohh maksudnya?**

MAMY: *So* [jadi], maknanya saya berapa bulan masatu? (Sambil memandang NZM).

**NNFR: Ohh lama dah.**

MAMY: Kecik en?

**NZM: Ehh jap (sambil mengira) ha kecik sangat.**

**NNFR: Peristiwa berdarah tu ayah abang amir masih adalah time tu?**

**NZM: Rasailah maksudnya benda tu?**

MAMY: Ha. Jadi saya masatu dalam--, saya rasa berapa bulan eh? (Sambil mengira). Ada tujuh [7] bulan? (Sambil memandang NZM dan NNFR)

**NZM: Ahh lebih kurang ah.**

MAMY: Lebih kurang kan. So [jadi], apabila bila mereka berhijrah ke Kuala Lumpur [Malaysia] dan (gagap) ayah saya dapat tawaran menjadi askar apa menjadi seorang anggota askar british ya *at that time* [pada masa itu] tapi tak lama yang setahu saya yang diceritakan oleh arwah mak saya tak lama sebenarnya dalam berapa tahun je.

**NZM: Ohh**

MAMY: Kemudian dia berhenti.

**NZM: Aha**

MAMY: Dia berhenti (sambil berfikir) masatu (sambil berfikir dan menggerakkan jari) arwah ayah dia bawak bas.

**NZM: Ha**

MAMY: Ha dia bawak bas Srijaya (sambil menggengam tangan seperti membawa bas).

**NZM: Ohhh**

MAMY: Nama dia Srijaya ni memang terkenal di Kuala Lumpur [Malaysia].

**NZM: Ohhh**

MAMY: Tahun tujuh puluh [70] an.

**NZM: Ohhh tujuh puluh [70] an ehh.**

MAMY: Berpengkalan di Sentul [Kuala Lumpur].

**NZM: Ohhh Sentul [Kuala Lumpur] jugaklaa.**

MAMY: Sentul [Kuala Lumpur] jugak tau. jadi disitulah bermulanya (sambil berfikir) apa orang kata penghidupan yang yang saya lalui dari kecik sampai ke (sambil merenung ke hadapan dan berfikir) besar sekolah rendah. Dan saya sekolah rendah di (pejam mata dan sambil berfikir) sekolah rendah laki-laki.

**NZM: Sekolah Rendah laki-laki?**

MAMY: *Sekolah rendah laki-laki Methodist* [SK (L) Methodist, Kuala Lumpur]

**NZM: Ohh okey (mengganguk)**

MAMY: *Methodist Sentul* [Methodist Boy School, Kuala Lumpur]

**NZM: Ohh (mengganguk)**

MAMY: Kemudian (membetulkan topi dan menunduk kebawah)(merenung ke hadapan dan berfikir) masatu tahun bila yaa?

**NZM: (ketawa kecil) sekolah rendah dah lama juga.**

MAMY: Sekolah rendah tahun.

**NZM: Tujuh puluh [70] ti-- eh tujuh puluh [70] something [sesuatu]. Sekarang enam puluh [60] -- kalau tu tahun enam puluh sembilan [69].**

**NNFR: Enam puluh sembilan [69], tujuh puluh [70] lebih cam tula.**

**MAMY:** Tujuh puluh tujuh [77] kan (sambil memegang bibir dan berfikir) tujuh puluh [70].

**NNFR: Tujuh tahun [7] an (sambil menunjukkan tangan kira) bermaksud tujuh puluh tujuh [77]**

**MAMY:** Aha tahun sembilan belas tahun tujuh puluh tujuh [1977] saya bersekolah di *Sekolah rendah laki-laki Methodist Sentul* [SK (L) Methodist, Kuala Lumpur] ya.

**NNFR: Ohh *Methodist Sentul* [Methodist Boy School, Kuala Lumpur]**

**MAMY:** Okey pada waktu itu, ketika itu dan kehidupan kami waktu itu memang, makna katanya kami—

**NZM: Baru permulaan?**

**MAMY:** Hidup susah (sambil memandang NZM) *that times* [masa itu] tak ada letrik lagi (sambil memusing tangan) dekat kawasan ni.

**NZM: Ohhh (muka terkejut)**

**NNFR: Belum membangun lagilah *time* [masa] itu**

MAMY: Ya? (Badan ke hadapan)

NNFR: Kawasan sini belum membangun lagi lah?

MAMY: Belum belum, waktu itu hanya ada pelita (melakukan memegang pelita) pelita apa?

NNM: Pelita yang gas apa minyak tu ?(menunjukkan contoh menggunakan jari)

NNFR: Yang bakar tu—

MAMY: Pelita minyak pelita minyak minyak gas gas? Pelita minyak tulah.

NZM: Untuk *survive*? [bertahan]

MAMY: Yang -- menerangi kehidupan kita (gagap) kami semua dan ketika itu berlakunya satu peristiwa tidak diduga di mana rumah.

NZM: Aha (menganguk)

MAMY: Rumah saya terbakar.

**NZM: Allah.**

MAMY: Tapi waktu itu saya kecik lagi saya ingat masatu masih dalam apa dalam bulan lagilah.

**NZM: Aha (mengganguk)**

MAMY: \_\_\_tapi saya lupala.

**NZM: Yela.**

MAMY: Dalam dua [2] tiga [3] bulan gitula kalau tak silap kan. (Sambil berfikir dan merenung ke hadapan) masatu bila terbakar tu.

**NZM: Susahlah nak cari rumah**

MAMY: Satu [1] apa pun tak dapat.

**NZM: Sementara nak selamatkan.**

MAMY: Saya bila arwah mak saya berceritkan kat saya, saya waktu itu dalam buaian

**NZM: Allah.**

MAMY: Selamatkan.

**NNFR: Kecik lagilah *time* [masa] tu.**

MAMY: Kecik lagila masa tu (meletakkan tangan di dagu) then dia terbakar tu dapatla bantuan daripada-- saya tak berapa ingat sangat benda-benda ni. Kemudian—

**NNFR: Sebab Encik Amir pun kecik lagi *time* [masa] tu**

**NZM: Haa yelaa (mengganguk)**

MAMY: Bulan kan. Lepastu (sambil meletakkan tangan di dagu dan merenung ke depan) bila dengar *family* [keluarga] cerita.

**NZM: Cerita balik**

MAMY: Cerita balik, ohh okey bila waktu kebakaran itu saya masih kecik kan.

**NZM: Aha**

MAMY: (gagap) dalam buaian dapat diselamatkan berpunca daripada abang saya haaa,  
berpunca daripada abang saya dia bermain.

**NZM & NNFR : Ohhh**

MAMY: Dia bermain pelita tula, pelita api tu kan. So [jadi], waktu itu kawasan ini tak ada  
letrik (ambil menujukkan kawasan sekeliling) ini semua lombong ni.

**NZM: Ohh (menggangguk) ini daripada lombong.**

MAMY: Kawasan lombong ini (sambung menunjukkan kawasan sekeliling) dia --  
tambak.

**NZM: Baru jadi apa bangunannya semua (menunjukkan kawasan sekitar).**

MAMY: Dulu tak ada (menunjuk kehadapan) ini macam ni dulu-dulu. Dulu kosong  
(menunjuk ke kawasan sekeliling).

**NZM: Ohh (menggangguk dan memandang sekeliling kawasan yang ditunjuk)**

**NNFR: (memandang sekeliling kawasan yang ditunjuk)**

MAMY: Seingat saya masatu (menunjuk ke diri sendiri) ada lombong -- yang tertinggal. Ada waktu kalau -- masatu dah citalah dah-- peringkat kanak-kanak kan (sambil menggerakkan tangan). Umur lapan [8] tahun sembilan [9] tahun curi-curi pergi mandi lombong (menunjukkan ke arah kanan meja).

**NZM: (ketawa kecil)**

MAMY: Kena belasah dengan mak(sambil melakukan dibelasah oleh emak).

**NZM: Ohhhh nakal (sambil ketawa kecil dan mengganguk)**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Haaa kan

**NZM: Faham (menggangguk)**

MAMY: Bila kita mandi lombong (menunjukkan satu jari ke hadapan)

**NZM: Aha (sambil memandang sekeliling)**

MAMY: (menunjukkan satu jari ke atas dan berfikir) mata kita akan merah tau

**NZM: Oh yeke?**

MAMY: Sebab air lombong tu tak bersih (kembang kempis tangan tunjukkan keadaan air)

**NZM & NNFR : Ohhh**

MAMY: Jadi bila balik je (sambil berfikir dan merenung ke hadapan) sebenarnya

**NZM: Nampakla yang, (ketawa kecil dan mengganguk) buat salah tu**

MAMY: Mak dah *standby* [siap sedia] dah (sambil menggengam tangan di sebelah kiri)

**NZM: Allah (ketawa lebar)**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Memang garang mak, fuhh (sambil mengeleng kepala)

**NZM: (ketawa kecil) Takut.**

MAMY: Dia bagi kaw kaw (sambil melakukan dilibas oleh mak) kan. “Kau pergi lombong eh, ka pergi lombong eh?”.

**NZM: Ohh yelaa (sambil mengganguk)**

MAMY: Dalam hati (sambil memegang dada) mana dia dapat tau ni kan

**NZM & NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: *So [jadi]*, itu cerita daripada permulaan saya daripada (menunjukkan tempoh) peringkat kanak-kanak kan (latar belakang bunyi motor). Kemudian waktu itu (memainkan jari telunjuk) arwah bapak saya dia dah *start* [mulakan] mula kerja bawak bas (melakonkan membawa bas)

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: *So [jadi]*, dia berulang daripada kampung (menunjukkan arah ke kiri) Chu Badak [Kuala Lumpur] nama dia. Saya dilahirkan di kampung Chu Badak [Kuala Lumpur] (sambil menujukkan jari telunjuk ke bawah) (ganguan bunyi).

**NZM: Kampung Chu Badak [Kuala Lumpur] eh (sambil mengganguk dan menulis di kertas)**

**NNFR: (menulis di kertas)**

MAMY: Kampung Chu Badak, Sentul [Kuala Lumpur] ataupun dia macam ni Kampung Chu Badak [Kuala Lumpur] pun iya, Kampung Pasir [Kuala Lumpur] punya iya (sambil mengira di jari) dia ada dua [2] nama. (Gangguan bunyi)

**NZM: Ohh nama nama (menggangguk)**

**NNFR: (menulis dan menggangguk)**

MAMY: Dua [2] nama. *Then* [kemudian], (sambil berfikir dan menunjukkan jari ke arah diri sendiri) saya ingat lagila masatu (jari telunjuk kiri d bibir) waktu saya kanak-kanak (melakukan ketinggian sebagai kanak-kanak) arwah bapak saya dia bawak basikal, dia akan kayuh basikal (melakukan mengayuh basikal) daripada sini (menunjukkan ke arah kiri) pergi ke stesen bas (menunjukkan ke arah kanan)

**NZM: (sambil menggangguk) jauh.**

**NNFR: (menggangguk)**

MAMY: Tempat -- Bas Sri jaya tukan.

**NZM: Aha (menggangguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: *So [jadi], tiap-tiap pagi dia akan—maknanya dia akan kayuhla basikal tu (sambil melakonkan mengayuh basikal). Waktu itu memang keadaan seluruh (menunjukkan seluruh kawasan sekeliling) siapa yang duduk di sini semua kea-* - waktu itu keadaan yang orang cakap keadaan yang--

**NZM: Kurangla.**

MAMY: Daifla orang cakap.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Dengan tak ada bantuan letrik (menujuk ibu jari ke atas)

**NZM: Air?**

MAMY: Air okey. Air telaga.

**NZM: Ohh (sambil mengganguk)(ketawa kecil)**

**NNFR: Ohh (sambil mengganguk)**

MAMY: Korang tak rasa bendani (menunjuk ke arah NZM dan NNFR)

**NZM: Ya betul (sambil mengganguk). Kat kampung pun nampak je tapi tak pernah rasa susah macam tu.**

**NNFR: Tak pernah guna an (sambil tangan di dagu)**

MAMY: Ha kan memang memang apa, mandi pun pakai air telaga. Kalau mandi je apa

**NZM: Kena tarik tu**

MAMY: Ha tarik lah (melakukan tarik air)(bunyi air) tarik

**NZM: Sejuk tu (ketawa lebar)**

MAMY: So [jadi], air tu dia, air perigi ni tak akan kering kering (sambil melihat NZM)

**NZM: Ohhh aha (sambil mengganguk)**

MAMY: Hmm. Okey. So [jadi], itulah kehidupan apa daripada kecil kan kita tidak-- tidak mewahla. Aha kan. Memang memang orang cakap apa (sambil berfikir dan

merenung ke hadapan). Keadaan jiran-jiran tu semua semua sama, sebab waktu itu satu pun tak ada-- elektrik.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: *So [jadi]*, semua pakai pelita pelita. Satu lagi pakai pakai (melakonkan menarik sesuatu) ni pakai apa pakai lampu.

**NZM: Generator?**

MAMY: Bukan bukan, belum lagi. Masatu pakai yang apa

**NZM: Ohhh belum jugak**

MAMY: Pakai yang apa yang kena pam tu? (Sambil menunjukkan pam)

**NNFR: Pakai yang tarik tu (menunjukkan cara menarik)**

**NZM: Ohhhh**

MAMY: Pam apa?lampa *gasoline* [petrol], eh?(sambil berfikir) lampu gas? (Sambil ) menunjukkan cara mengepam)

**NZM: Ohhh yeke?**

MAMY: Bila kita pam-- tu baru dia terang (sambil menunjukkan cara mengepam)

**NZM: Baru ada elektrik.**

MAMY: Baru dia terang

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk)**

**NNFR: Ohhh (sambil mengganguk). Lama tu.**

MAMY: Kecik je. Okey. Bila (sambil berfikir) masa berjalan adalah jiran selang beberapa rumah dia beli apa-- panggil apa ah?

**NZM: Apa tu?**

MAMY: Enjin yang boleh--

**NZM: Bukan *generator* [penjana] ke?**

MAMY: *Generator* [penjana] lah.

**NZM: Ha *Generator* kan (ketawa lebar)**

MAMY: *Generator* [penjana] eh. So [jadi], bila kawasan rumah apa kawasan rumah hanya rumah dia sahaja yang ada generator yang boleh tengok tv. So [jadi], bila kita nak tengok tv kawasan tu semua kena pergi rumah dia

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk)**

**NNFR: Ohhh (sambil mengganguk) (sambil ketawa lebar)**

MAMY: Tengok tv kan. Pastu dia *collect* [kumpul] la duit

**NZM: Ohhh (terkejut) (ketawa kecil)**

MAMY: Sorang 5 sen dia *collect* [kumpul] *collect* [kumpul] *collectkan* [kumpulkan] (menunjukkan cara mengambil wang). So [jadi] waktu yang kita akan berkumpul beramai ramai adalah pada waktu itu cerita cerita kalau tak silap hari jumaat malam Sabtu cerita melayu la panggil cerita melayu la tu kan.

**NZM: Ha aha.**

MAMY: Cerita-- lama-- kan. *So [jadi]*, kita akan duduklah tengok beramai ramai menghadap kan

**NZM: Besar ke tv dia? Ke biasa je? Macam layar?**

MAMY: Okey. Tv waktu itu belum ada adakan warna lagi

**NZM: Ohhh hitam putihla (sambil mengganguk)**

**NNFR: Hitam putih lagila? hitam putih lagila *time /masa* tu?**

MAMY: Okey (sambil mengaut makanan). *So [jadi]*, setiap kali nak tengok tv pergilah rumah nama

**NZM: Pergi rumah dia?**

MAMY: nama makcik tu ingat lagi makcik Soha nama dia.

**NZM: Nama dia (sambil ketawa kecil)**

MAMY: *So [jadi], apa dia-- akan collect [kumpul] la duit. Collect [kumpul](sambil melakonkan kumpul duit). So [jadi] ada time-time [masa-masa] dia la, bila waktu-waktu apa cerita melayu mesti ramai.*

**NZM: Mesti ramai orang tengok.**

MAMY: Mesti ramaikan. *So [jadi], begitula rutin kan. So [jadi], ada satu ketika tu (sambil berfikir). Arwah bapak saya dia pun beli jugak generator (melakukan menarik generator).*

**NZM: Ohh generator.**

MAMY: Ha baru sikit sikitkan pastu dia dapat beli tv (menunjukkan bentuk tv) saya ingat lagi beli tv.

**NZM: (sambil mengganguk)**

MAMY: Hitam putih tak silap saya macam hitam putih. *So [jadi] merasalah tengok tv.*

**NZM: Tengok tv.**

MAMY: Tengok tv, tapi bersyarat

**NZM: Hari tertentu sahaja?**

MAMY: Bersyarat sebab apa tau, nak kena-- mengaji nak kena baca buku (sambil mengira jari)

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Ada *time* [masa] dia ada *time* [masa] kalau maghrib je tutup tv.

**NZM: ohhhh (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Jangan bukak sorang pun jangan bukak. Abang saya kakak saya, sorang pun jangan bukak

**NZM: (sambil mengganguk)**

MAMY: Memang garang (sambil mengaut makanan) tak apa-- kalau tak tutup je siapla.

**NZM & NNFR: (ketawa kecil)**

**MAMY:** Tiba-tiba tali pinggang je kat belakang (sambil bergerak ke kiri seperti dilibas)  
(ganguan bunyi)

**NZM: (ketawa kecil)**

**NNFR: Sakit (sambil menggosok tangan lengan kiri)(ketawa kecil)**

**MAMY:** (menarik kerusi ke hadapan) So [jadi], apa yela apa orang cakap tu zaman sekarang tu memang tak merasa benda begitu saya rasa. \_\_ mak-- dia-- tinggi suara je. Tutup tv\_\_ pergi sembahyang dah maghrib ni kan. Itu sahaja, tapi dia tak bagi kita leka tu jap lagi tiba-tiba. Tteng tali pinggang(sambil bergerak ke kiri seperti dilibas)(senyum lebar)

**NZM: Ya betul betul (mengangguk)**

**NNFR: (mengangguk dan tersenyum kecil)**

**MAMY:** Terus berlari pergi *toilet* [tandas], pergi bilik mandi mandi (sambil melakonkan mandi)

**NZM: Kiranya, (gagap) apani mak abang Amir [Muhammad Azmir] tu lagi garang daripada arwah ayahlah?**

MAMY: Lagi garang (sambil menunjuk jari telunjuk ke NZM)

**NZM & NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Ayah ayah tak garang.

**NZM: Tapi ayah (gagap) *join* [sertai] askar jugak dulu, tapi--**

MAMY: Yaa tapi dia tak garang (menggeleng kepala)

**NZM: ohhh**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Mak memang garang (sambil membetulkan topi)

**NZM: ohhh**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Kan, ada benda yang tak tak kena (sambil menunjukan jari telunjuk) haa memang dia akan marah .

**NZM: (ketawa kecil)**

MAMY: Jadi (sambil meletakkan jari telunjuk di bibir) yelah pada emak kan kalau lepas dia marah marah tu dia pandai la pujuk (sambil meletakkan jari telunjuk di bibir).

**NZM: Aha (ketawa kecil)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Dia suap nasi (melakonkan suap nasi ke NZM)

**NZM: Ohhh (ketawa kecil) ambil hati balik**

**NNFR: Ohhh (ketawa kecil)**

MAMY: (sambil mengganguk) Haaa yela. *So [jadi], So [jadi]* bila hari berganti hari bulan pun, saya pun daripada apa membesar sekolah rendah kan, sekolah rendah apa semua. Tapi daripada daripada umur saya sebelum saya masuk menengah lagi saya dah-- apa tunjuk minat menyanyi.

**NZM & NNFR: ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Tapi menyanyi jenis yang menyanyi

**NZM: Yang biasa biasa?**

MAMY: Ha (sambil menunjukkan kawasan sekeliling) dalam rumah--

**NZM: Minat minat**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Camtu-- jekan.

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Apa apa tak berapa seriuslah, \_\_tak ada masuk pertandingan semua *at that time* [pada masa itu].

**NZM: Ohh tak ada (sambil menulis).**

MAMY: Tak macam sekarang (menggenggam jari dan letakkan di bibir).

NNFR: Mak ayah encik Amir ada tak macam puji ke cik Amir nyanyi selalu?

NZM: Masa awal awal.

MAMY: Nanti dulu nanti dulu, ada lagi.

NZM: Ohh belum lagi, sambung (ketawa kecil)

NNFR: (ketawa kecil)

MAMY: Bila ada kawan-kawan sedara mara datang kan

NZM: Ohhh (sambil mengganguk)

MAMY: So [jadi], bila saya (gagap) menyanyikan. So [jadi] adalah sedara dia kata, nama arwah mak saya tu dia panggil Yah.

NZM: Ohhh (sambil mengganguk) Yah.

**NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: "Kak Yah Kak Yah", dia cakap "Amir besok ni — (memandang ke hadapan)

**NZM: Dah besar.**

MAMY: "Dah besar esok dia jadi penyanyi ni" dia cakap.

**NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk) orang lain yang nampak tu (ketawa kecil)**

MAMY: (suara orang di belakang) Jadi yelah dia cakap secara apa orang cakap secara spontan. Dia tak ada betul betul cakap "kau besok jadi gini--", tak kan. "Amir ni besokk jadi penyanyi ni Kak Yah", dia cakap. Tu mak cakap lakan " Mana taknya daripada daripada kecik lagi dia uwek uwek uwek (bayi menangis)"

**NZM & NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Haa bila tak dapat susu je uwek uwek (bayi menangis)

**NZM:** Ohhh (ketawa lebar) menangis (sambil menganguk).

**NNFR:** (ketawa lebar)

MAMY: Mak mak apa dia cuba nak *complaint* [aduan] lah *complaint* [aduan] dia bagitau kan. Yang apa yang dia rasa masa abang kecik dulu kan.

**NZM:** Aha.

MAMY: Kan, melalak bukan main kuat lagi.

**NZM & NNFR:** (ketawa lebar)

MAMY: Haa\_\_orang Perak [Malaysia] cakap melalak (sambil makan).

**NZM:** Ohh faham. Maksudnya dari kecik lagilah dah minat.

MAMY: Tapi-- (sambil mengunyah)

**NZM:** Tapi tak ada *join* [sertai] apa-apa pertandingan?

MAMY: Ya, dia macamtu macamtu jela

**NZM & NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: \_\_ (sambil mengunyah). Okey. Bila bila apa \_\_ barulah apa masuk—masatu okey UMNO.

**NZM: Ohh UMNO.**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: *That time* [masa itu] BN menang kawasan sini.

**NZM: Ohh sini (sambil mengganguk)**

MAMY: UMNO menang (sambil merenung ke hadapan). *Then* [kemudian], barulah merasa ada eletrik.

**NZM: Ohh maksudnya dia bagi bantuan untuk semua (sambil mengganguk).**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Hmm dulu tak ada. Itu—abang ingat lagi (berdeham) masa darjah satu [1] darjah dua [2] pergi sekolah.

**NZM: Jalan kaki.**

MAMY: Pergi sekolah pagi.

**NZM: Gelap.**

MAMY: Haa. Saya akan pelita tu, saya akan sikat rambut (sambil lakonkan sikat rambut) ni cermin kan, Haaa (sambil lakonkan sikat rambut)

**NZM: Aha.**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Sampaila ada api (menunjuk jari telunjuk ke atas). *Then* [kemudian], pergi sekolah pun jalan kaki. Lepastu belanja dua puluh [20] sen (ketawa lebar)

**NZM: Yela zaman dulu (sambil mengganguk)**

**NNFR: Dua puluh [20] sen boleh apa je? (Sambil menunjuk jari 2)**

**NZM:** Dua puluh [20] sen (ambil mengganguk) baru nak tanya (ketawa kecil). Kita sekarang dua puluh [20] sen boleh beli apa je.

MAMY: Hmm dua puluh [20] sen dapatlah beli nasi lemak, air kan.

**NZM:** Ohh banyak (ambil mengganguk)(ketawa kecil)

**NNFR:** (ambil mengganguk)

MAMY: Tapi jalan kaki\_\_

**NZM:** Pergi balik la maksudnya jalan kaki?

MAMY: Aha (ambil mengganguk) pergi balik.

**NZM:** Susah jugakla dulu. Zaman dulu dengan sekarang.

MAMY: *Then* [kemudian], bila bila (gagap) kehidupan mulalah kehidupan kami (gagap) berubah. sikit-sikitkan. Arwah bapak saya pun dah bawak (melakukan membawa bas).

**NZM: Bas**

MAMY: Bawa bas, dia adalah *driver* [pemandu] yang terawal. *Driver* [pemandu] yang ketiga puluh lima [35] kalau tak silap.

**NZM: Pada ketika itu (sambil menganguk).**

MAMY: dekat *batch* [lencana] dia tu ada tulis.

**NZM: Ohhh**

MAMY: D-35, that means *driver* [pemandu] yang ketiga puluh lima [35] ha kan (memandang NZM dan NNFR). Bas Srijaya ni kalau *you all* [kamu semua] nak tau, Bas Srijaya ni di Kuala Lumpur [Malaysia] *at one time* [pada satu masa] *popular* [terkenal]. Sebenarnya, Bas Srijaya ni.

**NZM: Dia bas macam ekspress ke?**

MAMY: Ehh *no no* [tidak tidak]

**NZM: Ke bas macam loceng berhenti-- tu?**

MAMY: Untuk-- ni, penumpang penumpang. Dia memang—kalau siapa nak turun tu

**NZM:** Ohh (sambil mengganguk)

**NNFR:** (sambil mengganguk)

MAMY: Dia akan tekan loceng. Tteng (bunyi loceng). Dia akan berhenti kan, jalan lagi siapa-siapa nak turun. Tteng (bunyi loceng).

**NZM:** Ohh (sambil mengganguk)

**NNFR:** (sambil mengganguk)

MAMY: Kena tekan locengla barulah dia akan –

**NZM:** Haa, dia *stop* [berhenti].

MAMY: (sendawa) Bapak saya sebagai *driver* [pemandu] (melakonkan membawa bas).  
Okey. Saya ingat masatu sekolah

**NZM:** Sekolah ren\_\_

MAMY: Masatu masatu dah naik menengah eh *no no* [tidak tidak] masatu darjah lima [5] darjah enam [6] macam tula. Masatu saya buas waktu tu.

**NZM: Ohhh (ketawa kecil) naikla, ikut sama pergi kerja ke?**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: (gagap) tak tak masatu masatu balik naik bas lain.

**NZM: Ohh (sambil mengganguk)**

MAMY: Bila bertembung dengan arwah bapak saya, dia dengan bawak ni kan (melakonkan membawa bas). Saya keluarlah kepala “Abah, Abah” (sambil melambai tangan kanan)

**NZM & NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Pastu dia marah.

**NZM: Ohh kena marah(ketawa lebar)**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Bahayala kan.

**NZM: Ohh kereta (sambil mengganguk)**

MAMY: Dia marah, “Okey, Okey tak buat lagi”

**NZM: (ketawa lebar)**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: *Then* [kemudian], sekali sekala dia akan bawak pergi *round* (meronda).

**NZM: Ohh naik bas?**

MAMY: Naik bas tu. *So* [jadi], abang duduk depan.

**NZM: Aha**

MAMY: Duduk depan , duduk jela.

**NZM: Tengok jalan?**

MAMY: Dia pusing daripada, okey. Dia punya rutin-- daripada Kampung apa Kampung Padang Balang [Gombak, Kuala Lumpur] di (gagap) Gombak [Kuala Lumpur, Malaysia].

**NZM: Aha**

MAMY: Di situ *last* [akhir] perhentian. *So* [jadi], bila dia sampai situ, dia akan (gagap) makna dia akan berehat dalam dalam dua [2] minit. Dia tunggu orang naik semua, dan okey dia jalan. Dia jalan, ikut jalan Sentul [Kuala Lumpur, Malaysia] ni (sambil menujukkan kawasan sekeliling). Sentul [Kuala Lumpur, Malaysia] ni, sampai ke Kotaraya [Kuala Lumpur, Malaysia].

**NZM: Ohh (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Kotaraya [Kuala Lumpur, Malaysia], Kotaraya [Kuala Lumpur, Malaysia] then Puduraya [Kuala Lumpur, Malaysia].

**NZM: Ohh (sambil mengganguk) Pudu [Kuala Lumpur, Malaysia]. Ha.**

MAMY: Rutin dia itulah, bas nombor (sambil berfikir) 248. Bas Srijaya ni.

**NZM: Ohh (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: *So [jadi]*, dia akan pergi ke laluan dia adalah apa daripada Puduraya [Kuala Lumpur, Malaysia] ke Sentul [Kuala Lumpur, Malaysia] sampailah ke Padang Balang [Gombak, Kuala Lumpur] tu (menunjukkan arah di meja)

**NZM: Setiap hari?**

MAMY: Setiap hari! *So [jadi]*, abang pun bila tak ada apa, abang apa (ketawa kecil)

**NZM: Ikut?**

MAMY: Jom pergilah. *So [jadi]*, bila dia naik basikal abang akan duduk depan, duduklah kan. Itulah pasal pasal tak tau nak buat apa kan. Zaman dulu, yelah bukan macam zaman sekarang kan (sambil memegang cincin di jari kiri). \_\_ lain.

**NZM: Betul.**

MAMY: Boleh layan benda lain. Dudukla\_\_ apa sampaila dia habis kerja petang. Balik, naik basikal kayuh dia kayuh perlahan lahan. Jadi pengalaman tu macam kita pernah merasai zaman kesusahan, zaman zaman orang cakap apa tidak mewah tapi dia--berperingkat, sikit-- kan. *So [jadi], masuklah ke Sekolah menengah laki-laki Methodist Sentul* [Methodist Boy School] jugak.

**NZM: Ohhh sama jugak (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Sama. Methodist Boys Methodist Boys Primary Sc--, eh eh. *Sorry* [maaf]! *Sekolah rendah Methodist Boys Primary School* [Sekolah (L) Methodist] yang sekolah menengah Methodist Boys School. *So [jadi], gelaran daripada budak-budak nakal, monkey boys' school.*

**NZM: (ketawa lebar) monkey boys eh.**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Dekat dengan sekolah apa Sekolah La Salle (menunjukkan ke sebelah kanan)

**NZM: Aha (sambil mengganguk)**

MAMY: MBS sekolah Sentul [Kuala Lumpur, Malaysia]. Sampai sekarang masih wujud lagi.

**NZM: Ohhh ada lagi? Yang sekolah abang sekolah ni masih ada lagi?**

MAMY: Masih masih ada lagi

**NZM &NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Tapi dia belah ke dalam, kalau LA Salle tu oleh nampak tepi jalan.

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk) masih ada lagi student yang masuk diterimala.**

MAMY: Ada, masih (sambil mengganguk).

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk). Lamala kalau daripada zaman abang sampai sekarang, lama (sambil mengganguk).**

MAMY: Dan, okey. Bila masuk menengah apa semua kan (sambil berfikir) \_\_tapi  
(merenung ke hadapan) yelah kita ni masa umur belasan tahun tu nakal.

**NZM: (ketawa lebar). Zaman-zaman tengah naik.**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Betul (sambil mengaut makanan).

**NZM: Macam-macam.**

MAMY: *So* [jadi] (terdiam seketika berfikir), okey naik tingkatan satu [1].

**NZM: Aha.**

MAMY: Naik tingkatan satu [1] (terdiam seketika berfikir) bila nak masuk tingkatan dua [2], saya pernah ditangkap oleh mak saya sendiri.

**NZM: Allah (ketawa lebar).**

**NNFR: (ketawa kecil).**

MAMY: Iaitu merokok.

**NZM: Allah (ketawa lebar).**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Mak dapat tangkap sebab jumpa dalam beg.

**NZM: Aha. Ohhh dalam beg. Haduh.**

MAMY: Haduh, habis.

**NZM: Kenalah (ketawa lebar).**

MAMY: Lagilah (sambil menggeleng kepala). Dan dalam senyap-senyap mak saya dia dia uruskan pertukaran sekolah saya ke--.

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Bila naik peringkat—mak saya tangkap saya.

**NZM: Aha (sambil mengganguk) *smoking* [merokok]**

MAMY: Alamak habislah (kedua tangan memegang sisi kepala)

**NZM: Haduhai (ketawa kecil)**

MAMY: Jadi dalam senyap dia buat, (gagap) pertukaran saya

**NZM: Ohh tukar sekolah.**

MAMY: Ha tukar sekolah ke Kuala Kangsar [Perak, Malaysia]

**NNFR: Uish (terkejut) jauh.**

**NZM: Ehh (terkejut) jauh. Tak ikutla maksudnya abang jela pergi sana?**

MAMY: Maknanya maknanya, *form one* [tingkatan 1] disini (menunjuk jari telunjuk ke arah kanan), *form one* [tingkatan 1] di Sentul [Kuala Lumpur], *form two* [2] saya naik ke Kuala Kangsar [Perak, Malaysia] (menunjuk jari telunjuk ke arah kiri). Atas *recommendation* [cadangan] pakcik saya. Sekolah tu susah, dia tak terima pelajar daripada Kuala Lumpur [Malaysia] tau.

**NZM: Kenapa?**

MAMY: Sebab situ ada asrama

**NZM & NNFR: Ohhh (sambil menganguk)**

MAMY: Jadi bila ada asrama--, *So* [jadi] saya ni sorang (menunjukkan 1 jari telunjuk) jela pelajar dari Kuala Lumpur [Malaysia] yang dapat masuk ke asrama. Okey nama sekolah tu ialah Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar [Perak, Malaysia].

**NZM: Ohhh (sambil menganguk) macam pernah dengar sekolah.**

**NNFR: Ohhh (sambil menganguk)**

MAMY: Bersebelahan dengan Maktab Melayu Kuala Kangsar [Perak, Malaysia].

**NZM: Ohhh (sambil menganguk) okey (menunjuk jari telunjuk ke atas) yang itu pernah dengar (ketawa lebar).**

**NNFR: Ohhh (sambil menganguk) (ketawa kecil).**

MAMY: Ha kan (ketawa lebar).

**NZM: Haaa**

MAMY: Jadi (gagap) Maktab Melayu ni kita punya orang cakap musuh tradisi apa apa acara sukan memang MCKK ialah musuh Sekolah Clifford. Okey, dalam diam mak saya dia uruskan pertukaran saya. Jadi dia bagitau, okey “Kau tak boleh duduk kat KL [Malaysia] ni mir” dia cakap, “Kau kena—aku dah aku dah aturkan kau (gagap) kena sekolah dekat Kuala Kangsar [Perak, Malaysia] duduk dekat asrama berdikari”.

**NZM: Allah (ketawa lebar).**

MAMY: Berdikari (sambil menyandarkan badan ke kerusi).

**NZM: *Form two* [tingkatan 2] la masatu (menunjukkan 2 jari ke MAMY)**

MAMY: (sambil mengganguk) *form two* [tingkatan 2] la.

**NZM: Kecik lagilah.**

MAMY: Empat belas [14] tahun lah kan (sambil tangan kanan cekak pinggang). Bila bila mak cakap okey, kat sana dia kata tak ada siapa nak basuh baju kau, tak ada siapa nak, semua kau kena buat sendiri.

**NZM: Ahaa (sambil mengganguk).**

MAMY: Diam je (kedua tangan di pinggang). Masatu okey la, bila dah berhijrah ke Kuala Kangsar [Perak, Malaysia] bermulah penghidupan sebagai seorang (gagap) apa seorang penghuni asrama kan. Jadi ramailah masatu, ada apa— sekolah tu sekolah menengah Clifford tu dia campur tau tapi bukan cam — untuk buat apa, wanita apa perempuan ni dia, dia amik *upper six* [enam atas] ke atas dengan *lower six* [enam bawah].

NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)

NZM: Ohhh (sambil mengganguk) maksudnya *form six* [tingkatan 6]kan?

MAMY: Maknanya, yang wanita budak perempuan hanya ada *upper six* [enam atas] dan *lower six* [enam bawah] sahaja.

NZM: Ohhh (sambil mengganguk) tak ramai lah.

NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)

MAMY: Wanita tapi yang lelaki siapa tingkatan lima [5] tingkatan enam [6].

NZM: Ohhh (sambil mengganguk).

NNFR: (sambil mengganguk)

MAMY: Ada yang duduk asrama, then asrama tu pulak dia dia panggil apa tau? Dia panggil RK, RK ni maksudnya ialah

**NZM: Rancangan Khas (Ketawa kecil)**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Pelajar-pelajar terbaik di seluruh Perak [Malaysia] dia akan *select* [pilih].

**NZM: Ohh masuk dalam situ?**

MAMY: Masuk dalam Rancangan Khas. Jadi, saya punya situasi (menunjukkan ke diri sendiri) tak masuk Rancangan Khas. Saya masuk kelas Perdagangan, saya ingat lagi.

**NZM: Okey, saya pun amik perdagangan (ketawa lebar). Faham (sambil mengganguk).**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: *Commerce* [perdagangan] kan? Pastu, okey. Bila dah (gagap) ingat lagi masatu mak berleter la, atas bas ni bas Mara Express tak silap saya, “aku nak bagi kau pandai ni”.

**NZM: Haduhai (ketawa lebar).**

**NNFR: (ketawa lebar).**

MAMY: “ Kalau kau duduk dekat Kuala Lumpur [Malaysia] ni”

**NZM: Habislah (sambil mengganguk)**

MAMY: “Hancurlah kau” kata dia. Macam-macamlah, biasalahkan orang tua.

**NZM & NNFR: (ketawa lebar).**

MAMY: Kita diam jela, dengar.

**NZM: Dengar jelakan dah salahkan (ketawa lebar)**

MAMY: Pastu bila sampai je kat, dekat sekolah tu . *Then* [kemudian], saya jumpa terus masuk jumpa (gagap) guru besar. Guru besar saya Encik Azidin.

**NZM: Encik Azidin eh (sambil mengganguk)**

MAMY: Cikgu. *Then* [kemudian] , okey. Sebab saya masuk ke Clifford tu atas orang cakap apa atas ada *cable*, ada *cable* kan.

**NZM: Aha (ketawa lebar).**

MAMY: *So* [jadi], salah satunya pelajar yang duduk asrama daripada yang berasal

**NZM: Daripada Kuala Lumpur [Malaysia].**

MAMY: Daripada Kuala Lumpur [Malaysia] adalah saya sorang sahaja (menunjuk jari telunjuk 1). *So* [jadi], yang lain tu daripada macam saya cakap tadikan

**NZM: Kawasan.**

MAMY: Rancangan Khas ni seluruh Perak [Malaysia]

**NZM: Perak [Malaysia]**

MAMY: Yang (gagap) siapa yang terbaik dia kan masukkan ke dalam Rancangan Khas. *So* [jadi], dia ada — bermula daripada tingkatan satu, dua, tiga, empat, lima [ 1, 2, 3, 4, 5 ] . Okey. *Then* [kemudian], bila dah apa orang cakap yela, terpaksa berpisah kan.

**NZM: Jauh sendiri.**

**NNFR: (ambil mengganguk)**

MAMY: Masatu rapat jugak dengan mak, dia macam

**NZM: Sedih.**

MAMY: Tapi dia terpaksa. “Aku nak bagi kau pandai Mir” (ketawa lebar).

**NZM & NNFR: (ketawa lebar).**

MAMY: Aku nak--macam-macamlah. “Yela (ambil mengganguk), okey mak”. Pastu,  
“Kau duduk elok-elok sini eh, jangan apa macam-macamlah (senyum lebar)”.  
Ha pastu

**NZM: Tak—**

MAMY: Pastu mak dah uruskan apa asrama(menunjuk tangan kanan ke hadapan), kau  
duduk asrama. Jangan kau bergaduh pulak.

**NZM: (ketawa lebar) Ha betul.**

**NNFR: (ketawa lebar).**

MAMY: Pastu, bila (sambil berfikir dan merenung ke hadapan) bila dah dapat asrama apa semua pun. Saya pun bermulalah kehidupan saya sebagai penghuni asrama. Di mana (sendawa) tiap tiap—*So [jadi]* saya akan belajar la benda ni

**NZM: Berdikari (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk) (senyum kecil)**

MAMY: Ha (sambil mengganguk). Basuh baju, basuh kasut, basuh seluar, basuh cadar, cadar katil

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Okey. Ruang pertama, ruang(menunjukkan jari telunjuk ke atas) yang saya dapat waktu itu adalah ruang G (meletakkan ari telunjuk kanan di bibir).

**NZM & NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: *That means* [maksudnya] G ni dia, dia asrama tu ada tiga tingkat (menunjuk 3 jari tangan kanan). *So* [jadi], yang atas sekali belah hujung kanan. Dia panggil ruang. Ruang A, B, C, D sampai sampai ruang K tak silap.

**NZM: (sambil mengganguk). Besar (sambil mengganguk).**

MAMY: Ramai (sambil mengganguk).

**NZM: Ramai (sambil mengganguk).**

MAMY: Tapi tu semua Rancangan Khas. Saya sorang yang (menunjukkan jari 1 jari telunjuk) Kuala Lumpur [Malaysia].

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk)(ketawa kecil).**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: *Special* [istimewa] la kan.

**NZM: (sambil mengganguk).**

MAMY: Tak kesahlah, takpelah pasal kita pun.

**NZM:** Boleh bawak diri.

MAMY: Ha boleh bawak dirikan. Okey, *relax* [tenang] dulu. Takut-takut kena *ragging* [ragging].

**NZM:** (ketawa lebar) **Ha betul. Kan asramakan, aha (ketawa lebar).**

**NNFR:** (sambil mengganguk) (ketawa lebar).

MAMY: Risau kena *ragging* [ragging]. Tapi bila bila diorang tau saya ni ada *cable* dengan apa Azidin ni.

**NZM:** Ohhh (sambil mengganguk).

**NNFR:** (sambil mengganguk)

MAMY: Diorang tak beranilah.

**NZM:** Ohhh nasib baik (ketawa lebar)

MAMY: Tak berani. So [jadi], saya alhamdullilah tak kenalah *ragging* [ragging].

**NZM:** Ohhh, aha(ketawa lebar).

MAMY: Pastu, okey (menunjukkan 1 jari telunjuk kanan ke NZM dan NNFR). Bermulah (gagap) orang cakap apa saya punya *talent* [bakat] yang sebenarnya.

NZM: Ohhh (sambil mengganguk).

NNFR: (sambil mengganguk)

MAMY: Sekolah menengah Clifford tu (menunjukkan 1 jari telunjuk kanan ke NZM dan NNFR). *Talent* [bakat] tau *talent* [bakat], bakat iaitu okey. Bakat yang pertama bukan nyanyian bukan nyanyian lagi (menggerakan jari telunjuk ke kiri kanan), masih lagi bukan nyayian. Nyanyian ni, nyanyian ni dia peringkat apa belasan jugak, bila dah nak habis sekolah tu haa.

NZM: Ohhh (sambil mengganguk).

MAMY: Bila sekolah saya terkenal dengan sukan.

NZM: Ohhh sukan (sambil mengganguk)(ketawa lebar).

NNFR: (senyum kecil)

MAMY: Lepastu pulak kena tangkap hisab rokok

**NZM: Haduh masih lagi (ketawa lebar).**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Kena tangkap lagi.

**NZM: Haduhai (ketawa lebar).**

**NNFR: (senyum kecil).**

MAMY: Lepastu, cerita dia macam ni, tak sangkalah dalam Ruang G tu ada yang jugak merokok rupanya.

**NZM: Ohhh orang lain (sambil mengganguk)**

MAMY: Kan rupanya diorang lagi nakal daripada kita. Ya Allah.

**NZM: (sambil mengganguk)(ketawa lebar)\_\_\_ ingatkan kita orang KL [Malaysia]  
(menunjukkan diri sendiri) lagi nakal, rupanya diorang lagi tu**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Diorang lagi nakal

**NZM: Aha (menganguk)**

MAMY: Sebab bila saya bila saya nak mandi kan.

**NZM: Aha**

MAMY: Nak mandi petang. Apa pergi ke *toilet* [tandas] (membuat gaya mengidu bau), bau rokoklah dalam hati (menunjukkan jari terlunjuk kanan ke diri sendiri).

**NZM: (ketawa lebar) Ohhh (sambil mengganguk) dalam tandas.**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Bau rokoklah, siapa hisab rokok ni. Haa kan.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk) (ketawa lebar)**

MAMY: Okey, sekali bila-- biarlahkan. Lepastu bila dah dah mandi semua, lalulah budak ni

**NZM & NNFR: Haa (sambil mengganguk)**

MAMY: Ruang G jugak, Ruang G

**NZM: Aha (menganguk)**

MAMY: Saya ingat lagi nama dia Said, arwah dah dia.

**NZM: Allah (sambil menganguk) Innalillahi wainnailaihi rojiun.**

**NNFR: (sambil menganguk)**

MAMY: Said, Said, Said. Kitaorang panggil dia Said mamak pasal dia daripada Langkawi [Kedah, Malaysia].

**NZM: Ohh(menganguk).**

MAMY: Memang mamak pun muka dia.

**NZM & NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Lepastu dia lalu, dia buat macam ni (meniup asap).

**NZM: Ohhh (ketawa lebar).**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Lepas hisabkan, bau.

**NZM: Aha(sambil mengganguk). Bau ha kan (sambil mengganguk)**

MAMY: Ohhh dia nilah yang hisab. Okey. Dia kata “kau hisab rokok tak?”, dia tanya. Tak, (menggeleng kepala)

**NZM & NNFR : (ketawa lebar)**

MAMY: (ketawa lebar)

**NZM: Cover [selindung].**

MAMY: Ala takpe, hisab je. Jadi, yelah bila dah ada dah ada apa orang cakap kawan.

**NZM: Geng (ketawa lebar)(sambil mengganguk).**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Ha geng, habislah kita.

**NZM: Lagilah naik (sambil mengganguk) dedua(senyum lebar).**

**NNFR: (sambil mengganguk).**

MAMY: Ohhh tak (menunjukkan tangan kiri ke hadapan) hari pertama hari kedua tu tak.  
Hari—*Next week* [minggu depan]

**NZM: Baru.**

MAMY: *Next week* [minggu depan] tu dah *start* [mula] dah.

**NZM: (sambil mengganguk)**

**NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Ikut sama macam diorang jugak

**NZM: Diorang senior ke apa?**

MAMY: Tak tak (menidakkan tangan).

**NZM: Sama? sebaya?**

MAMY: Sebaya tapi diorang Rancangan Khas.

**NZM & NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Ada jugak, ada jugak pengawas, ada jugak pengawas yang yang duduk. Ada jugak cikgu-cikgu asrama pun ada.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Sebab diorang tak tahu.

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk).**

**NNFR: (sambil mengganguk).**

MAMY: Pandai *cover* [selindung] lah kan.

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Tempat nak hisab pun ada jugak dalam *toilet* [tandas] tapi kena naik bumbung (menunjukkan tangan kiri ke atas). Panjat (melakukan memanjat) kat bumbung hisab (menujukkan mengisab rokok).

**NZM: (sambil mengganguk)(ketawa kecil).**

**NNFR: Ohhh (ketawa kecil).**

MAMY: Haa tiga [3] empat[4] orang (sambil menunjukkan hisab rokok).

**NZM: (sambil mengganguk)(ketawa kecil)**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Okey dah. Ha okey. Dah habis hisab turunlah bawah (menunjukkan jari untuk turun kebawah).

**NZM: Aha (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: *So [jadi], ada jugak murid-murid lain yang tahu. Tapi diorang macam buat-buat tak tau jela.*

**NZM: Aha (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Ha kan. *So* [jadi] (berfikir dan merenung ke hadapan), adalah dalam (berfikir sejenak) bawah sepuluh [10] orang ha yang yang merokok kan.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: (ketawa kecil). Okey.

**NZM: Tadi sukan? Sukan.**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Lepastu, dalam masa suk— dalam masa yang sama. Bila bila satu ha— satu [1] malam tu, nak dijadikan cerita. Ni nak ke nak kena tangkap pasal rokok la ni, cikgu tak tahu la semua , *prefect* (pengawas) semua tak tau masatu. Okey. Tiap-tiap malam, pelajar semua dikehendaki (gagap) pergi belajar, kelas malam dalam kelas masing-masing.

**NZM: *Prep* [Belajar luar waktu sekolah] eh?**

MAMY: *Prep* [Belajar luar waktu sekolah] (sambil menunjuk ke NZM)

**NZM: Aha (sambil mengganguk)**

MAMY: Okey. *So* [jadi], pilihlah pasangan masing-masing tapi ramai-ramaikan. Okey. Pergi belajar. Nak jadikan cerita kami punya sekolah tu, asrama tu dekat dengan panggung wayang (gangguan bunyi).

**NZM: (Sambil mengganguk)**

**NNFR: Wuu(sambil mengganguk)**

MAMY: Panggung wayang Keteh, Kuala Kangsar [Perak] ingat lagi (ketawa kecil). Jadi, cerita waktu itu, cerita cerita Kungfu cerita lawankan. Hari terakhir tayangan.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Nama cerita tu (berfikir sejenak) tangan berapi (ketawa lebar).

**NZM: Ehmm (ketawa kecil)**

**NNFR: Tangan berapi (ketawa lebar)**

MAMY: *So* [jadi], saya bertiga (menunjukkan 3 jari). Saya, Said, Said mamak nih dengan Yusairi, ingat lagi. Tiga (menunjukkan 3 jari) orang ni. Okey. Orang semua pergi belajar kan. Okey.“ Jumlah, malam ni *last* [akhir] tau”, oh yeke? “Esok dah tak ada dah tangan berapi tu \_\_ cerita *best* [terbaik]”, “Macam mana ni?” Okey, malam ni dia *start* [mula] pukul sembilan [9] tak silap, sembilan [9] macam gitulah.

**NZM: (ambil mengganguk)**

MAMY: Okey kita pakai seluar siap-siap.

**NZM: Pakai seluar? (Sambil mengganguk)**

**NNFR: (ambil mengganguk)**

MAMY: Seluar macam gini, pakai kain luar. Pakai kain.

**NZM: Ohhh (ambil mengganguk), cover [selindung].**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Macam nak pergi belajarlah bila malam okey bila malam. okey. Bila dikehendaki belajar semua. Bunyi loceng je. Okey semua--bila dah kita orang jalan kaki kan. Zap konar.

**NZM: (ketawa kecil) Fly [terbang] eh?**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Ke pagar-- dakwat pagar dawai masatukan. (gagap) masatu dah *clear* [jelas] dah *line* [barisan] dah *clear* [jelas]. Okey terpaksa jadi komando. Komando maksud dia kena kena mengendap (sambil melakonkan merangkak).

**NZM: Merangkaklah.**

MAMY: Kena merangkak la kan. Kena lalu dekat mana dekat satu longkang besar longkang dia sampailah ke hujung.

**NZM: (sambil mengganguk)**

MAMY: Di mana (gagap) di situlah tempat, tempatnya kita boleh tembus ke jalan raya.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Merangkak, rangkak kan. Okey, bila dah merangkak kan yes (menunjukkan tangan kiri Yes) (senyum lebar).

**NZM: (ketawa kecil) Lepas.**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Kita tengoklah wayang tapi dalam hati kan (menunjuk ke hati). Duk teringat je asrama tau (menunjukkan ibu jari kiri ke belakang).

**NZM: (sambil mengganguk). Hati tak tenang.**

MAMY: Hati tak sedap ah. Cakapkan. Jom baliklah (sambil melihat jam tangan). Tak habis lagi ni. Okeylah, Okeylah. Tengok, tengok pun tak hati kat sana. Lepastu (berfikir sejenak), itu pun saya paksa juga dengan, jomlah

**NZM: Baliklah jugak (sambil mengganguk)**

MAMY: Tak habis juga kan. “Weh jomlah, kau ni (sambil melihat jam tangan) lain kali jangan ikutlah”.

**NZM: Jangan ajaklah (ketawa lebar).**

**NNFR: (ketawa lebar).**

MAMY: Bila-- balik kena merangkak lagi, jadi komando lagi untuk nak pergi ke masuk ke.

**NZM: Asrama balik semula.**

MAMY: Tempat yang kita keluar tadi itu dan daripada (gagap) yang jalan itu berjalan apa jalan tu. Kita kena kita kena jadi komando.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk).**

MAMY: Tapi bila balik kan tengok asrama dah gelap tau (menggunakan jari telunjuk dari kanan ke kiri). Dah tidur ah.

**NZM: (sambil mengganguk).**

MAMY: Lepas tu jam tak pakai (sambil melihat jam tangan) pun tak tau pukul apa tau (menunjukkan tangan kanan ke kiri kanan).

**NZM: (sambil mengganguk).**

MAMY: Tidur lah kut. Dalam hati dah tu lah.

**NZM: Selamat lah (ketawa kecil).**

**NNFR: (ketawa kecil).**

MAMY: Selamatlah, Yes [ya] (sambil meletakkan tangan kanan ke dada). Sekali. Bila *time* [masa] saya masuk je kepala dekat pagar itu. Tak (bunyi menangkap) *perfect* [pengawas] tangkap. Alamak.

**NZM: Haduh (ketawa kecil).**

**NNFR: (ketawa kecil).**

MAMY: Kena tangkap.

**NZM: Haduhai.**

MAMY: Kena tangkap je. Sebenarnya dia orang dah tahu. Dia orang dah tahu kita keluar.

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Diorang buat perangkap. Alamak (ketawa lebar sambil memegang kepala). Jadi dalam poket ada mancis.

**NZM: (sambil mengganguk).**

MAMY: Bila kita berjalan dia akan berbunyi. Kecap Kecap (bunyi mancis)

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk) bunyi.**

**NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: *Prefect* [pengawas] pun cakap, “Ni apa? Ohh, mancis. Ohh, hisab rokok eh?”.

Jumpa sekotak. Haduh (sambil meletakkan tangan ke atas kepala). Apa lagi, bila *Prefect* [pengawas] tangkap. Pengawas tangkap, dia orang dah *plan* [rancangan] apa dah memang dah *plan* [rancangan] benda ni untuk tangkap kita orang.

**NZM & NNFR: Ohhh (sambil mengganguk).**

MAMY: Sebab itu hati saya tak sedap (ketawa kecil)

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk). Kena percaya lepasni kata hati kalau dah tak sedap tu.**

**NNFR: (ketawa lebar)**

MAMY: Ha betul betul (mengganguk sambil membetulan topi).

**NZM: Betul la tuh, tak ada benda nak jadi**

MAMY: Lepas tu bila dia bawak jumpa cikgu asrama

**NZM: (ambil mengganguk).**

MAMY: Nama cikgu asrama tu cikgu Oslan (meletakkan tangan kanan di dagu).

**NZM: (ambil mengganguk).**

MAMY: (berfikir sejenak) *Prefect* [pengawas] pun apa bagitau cikgu. Kitaorang tangkap diorang ni sebab tak pergi belajar, tak pergi *prep* [belajar luar waktu sekolah], dia orang pergi tengok wayang dan apa. Dalam-- keluar ada rokok. Diorang hisap rokok.

**NZM: (ambil mengganguk).**

MAMY: Tiga-tiga kena lempang.

**NZM: Allah (ambil mengganguk).**

**NNFR: (senyum kecil)**

MAMY: Pang Pang (bunyi dilempang sambil tangan di dada) kena lempang. Hisab rokok eh, kamu hisab rokok depan saya sekarang. Habiskan rokok (ketawa lebar). Cikgu saya tak hisab, jangan tak hisab. Dia bakarkan, “hisab, hisab tak hisab” dia lempang. Tak hisab dia lempang.

**NZM: Ohh (sambil mengangguk).**

MAMY: Terpaksa la hisab. Dia buat macam tak tahu (sambil melakonkan menghisab) rokok, padahal dah terer dah ni (ketawa besar).

**NZM: Aha (mengangguk)(ketawa kecil)**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Ha kan. Okey. Haa, tak habis situ je tau. Esoknya, esok malam.

**NZM: Aha (mengangguk)**

MAMY: Hari (berfikir sejenak) kena tangkap hari Rabu (menunjukkan 4 jari)

**NZM: Aha.**

MAMY: Hari Khamis malam, cikgu disiplin pulak panggil. Tengah beratur dengan *prep* [Belajar luar waktu sekolah] nikan.

**NZM: Aha.**

MAMY: Dia panggil, Muhammad Azmir , Said, Yusairi kamu tiga-tiga mari sini.

**NZM: Ha kena panggil**

MAMY: Malam. Dia garang cikgu Mustapa nama dia, dia memang garang dengan wuh masatu dah berderau dah ni, aku – memang dah memang dah tau dah apa akan kena kan. Dia saja, dia— dia panggil berdiri. Mula-mula dia target rambut, rambut tak gunting masatu. Dia tarik je *sideburn* [jambang] ni (sambil menarik sideburn) sakit (ketawa besar). Ha kan. Ini ini saya cerita waktu sekolah tau zaman persekolahan.

**NZM: (sambil mengganguk).**

MAMY: Di mana saya *cover* [selindung] balik benda tu lepasni. Jadi bila kena tangkap tu kan. Okey. Hari Jumaat tu — bila kena lempang lagi dengan cikgu Mustapa.

**NZM: Dua [2] kali.**

MAMY: Tapi cikgu Mustapa ni lagi *power* [kuasa] (ketawa lebar).

**NZM: Tangan dia lagi sakitlah tu.**

MAMY: Lagi *power* [kuasa] cikgu Mustapa tu. Dengan mata buntangnya dengan muka garang dia kan. Haduh. Ingat lagi. Haa. Mak bapak awak apa hantar untuk pergi belajar bukannya buat apa benda-benda yang tak elok bukannya belajar hisab rokok apa semua kan. Bla bla bla. Okey. Besok perhimpunan, hari Jumaat, perhimpunan semua sekali kat dewan. Dia panggil dewan perhimpunan tu, dewan Hamdan dalam dewan Hamdan.

**NZM: (sambil mengganguk)**

MAMY: *So* [jadi], bila kita pun tak sangka benda ni, memang tak sangka. Tiba-tiba cikgu disiplin dia boleh sebutnya berkenaan disipilin. (Gangguan bunyi). Dan murid-murid ini, murid-murid asrama dan mereka telah membuat satu [1] kesalahan dan telah melanggar peraturan sekolah.

**NZM: (sambil mengganguk)**

MAMY: Nama-nama tersebut sila naik ke atas pentas.

**NZM: Kena panggil?**

**MAMY:** Kena panggil Mohamad Azmir Muhammad Yusof (terkejut), haduh mak.

**NZM & NNFR: (ketawa kecil)**

**MAMY:** Masatu jadi tumpuanlah kan. Okey. Said (gagap) Said (gagap), Said Izhar tak silap, Said Izhar bin Syed apatah Syed Ibrahim, Mohd Yusairi. Tiga-tiga orang naik. Naik je pentas Azidin dah *standby* [siap sedia] dah.

**NZM: Kena rotan pulak?**

**NNFR: (ketawa kecil)**

**MAMY:** *Public cannings* [hukuman rotan].

**NZM: Ohh (sambil mengganguk).**

**MAMY:** *Public cannings* [hukuman rotan] ni maksud dia, dia rotan depan khalayak ramai (menunjukkan khalayak ramai di depan).

**NZM: Ohh (sambil mengganguk).**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Depan cikgu, depan murid-murid. Semua yang satu sekolah.

**NZM: Yela (sambil mengganguk). Semua orang tengok.**

MAMY: *Of course*[sudah tentu] lah kat perhimpunan. Hari jumaat tiap-tiap pagi perhimpunan hari Jumaat tu kan. Alamak.

**NZM: Pergh (memek muka sakit).**

MAMY: Tiga [3] kali sorang

**NZM: Haduh (memek muka sakit).**

MAMY: Punya la sakit waktu tu.

**NZM: Kat belakang ke?**

MAMY: Dekat bontot (ketawa lebar).

**NZM: Hadui (mengeleng). Nak duduk macam mana tu? (Ketawa kecil)**

MAMY: Rotan yang halus, yang panjang tu kan (bunyi dirotan)(ketawa lebar). Tiga-tiga kena

**NZM: Haduhai (ketawa lebar). Aha**

MAMY: Okey. Mereka telah melakukan kesalahan bla bla. Okey. Masatukan, itu terbongkar tu. Mak dapat tau, mak dapat tau — (ketawa lebar sambil menutup mulut).

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk). Haduhai (ketawa lebar).**

MAMY: Dia bagitau bagitau, dia bagitau kan. Ibu bapalah. Dia bagitau. Pastu, ada satu petang tu, ha masatu di sekolah, masa yang sama jugak saya aktif dengan bersukan iaitu saya aktif dengan takraw, ping pong, bola tapi yang menonjol adalah sepak takraw. Okey.

**NNFR: Ohhh (sambil mengganguk)**

MAMY: Bila bila dah habis\_\_ tiap tiap petang dia akan bagi kita bersukankan. (gangguan). Bila dah kena *public cannings* [[hukuman rotan]., *of course* [sudah tentu] lagi popularlah. Semua kenal, semua cikgu tau, kawan-kawan pastu mak (gagap) apa mak pun tau. Mak datang naik bas. Haduhai (ketawa kecil). Okey. Bila mak datang je, saya *down* [turun] lah kan bila mak dah tau. Lagilah dia *frust* [kecewa].

**NZM: (sambil mengganguk)**

MAMY: Aku\_\_ menangis lah dia. “Aku hantar kau belajar macam gini kau balas dekat aku” bla bla macam-macamlah. Orang tua, biasalah. Diam (sambil menunduk). Okey (merenung ke hadapan).

**NZM:** Yang bersukan tu main sepak takraw bahagian mana, yang saya tahu tekong apa lagi?(sambil meletakkan tangan di dahi)

MAMY: Okey (mengganguk dan mengangkat tangan sebelah kanan ke NZM). Abang akan cerita, *rilex* [tenang] (ketawa kecil).

**NZM:** (sambil mengganguk). Okey (ketawa besar)

**NNFR:** (Ketawa besar)

MAMY: Abang cerita *detail* [terperinci] semua ni.

**NZM:** Okay boleh boleh (sambil mengganguk).

MAMY: *Detail* [terperinci] tak? (Sambil menunjuk ke NZM)

**NZM:** *Detail* [terperinci] *Detail* [terperinci] (sambil mengganguk) (ketawa kecil).

**NNFR: Detail [terperinci] (sambil mengganguk)(ketawa kecil).**

MAMY: So [jadi], bila mak dapat tau apa semua. Mak pun kecewakan (sambil meletakkan kanan di dada). (Berfikir sejenak) Okey, waktu—terlupa arwah bapak saya meninggal sewaktu saya okey. Umur saya sembilan [9] tahun rupanya.

**NZM & NNFR: Ohhh (sambil mengganguk).**

MAMY: Arwah apa abah, dia ni meninggal umur dia empuluh sembilan [49] tahun.

**NZM: Aha (sambil mengganguk).**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Jadi, waktu itu umur dia empat puluh sembilan [49], umur saya baru lapan [8] tahun nak masuk ke sembilan [9] tahun. Baru saya teringat. Okey. Akibat kanser.

**NZM: Ohhh (sambil mengganguk). Pastu dengan ibu mak jela.**

MAMY: *Then* [kemudian], dengan mak lah yang yang membantu, kakak yang sulung kakak yang nombor dua yang membantu saya pergi sekolah. Hantar duit tiap-tiap bulan. Masatu pakai wang pos (sambil memandang NZM dan NNFR).

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk).**

MAMY: Wang pos, kalau nak *cash* [tunai] kan kena pergi pej—apa kita kena-- *cash* [tunai] kan di pejabat pos. *So* [jadi], kakak saya panggil Yong. Yong hantar tiap-tiap bulan duit tu dalam (berfikir sejenak) seratus seratus dua ratus itulah. *Every month* [setiap bulan] dia akan hantar. Bila dah start kerjakan, dia yang sulung (berfikir sejenak sambil merenung ke hadapan). Masatu tulis surat (ketawa lebar)(melakonkan menulis surat).

**NZM: Mana ada *message* [mesej] telefon.**

MAMY: Di hadapan anakku (ketawa lebar) yang dikasihi, yang rindui.

**NZM: (ketawa besar). Aha**

MAMY: Kita, *member* [ahli] lah. Okey di sekolah saya dikenali bukan nama Azmir bukan nama Amir.

**NZM: Ohh (sambil mengganguk).**

MAMY: Saya di sekolah panggilan saya adalah Bad.

**NZM: Eh mana datang Bad? (muka pelik)**

MAMY: Kenapa Bad? Kenapa Bad sebab setiap seorang penghuni asrama ni dia orang ada gelaran masing-masing (tangan kanan menunjukkan keseluruhan).

**NZM: Ohh (ambil mengganguk).**

**NNFR: (ambil mengganguk)**

MAMY: Yang ni ada gelaran dia inilah kan (menunjukkan pecahan setiap orang). Jadi semualah ada gelaran.

**NZM: Aha.**

MAMY: Bila saya ni dia orang tak dapat, dia orang tak dapat nak cari gelaran tahu.

**NZM: Nama? (ketawa kecil)**

MAMY: Dia orang terpandang saya punya alamat, Kampung Chu badak (Kuala Lumpur, Malaysia) Bila dia panggil Badak Mir Badak. Mir Badak terus lekat Bad.

**NZM: Ohh (ambil mengganguk) (ketawa lebar)**

**MAMY:** Bad, Bad melekat Bad sampailah habis sekolah, melekat Bad.

**NZM:** Padahal Tak ada kaitan pun cuma nama tempat.

**MAMY:** Alamatkah? Ooh. Lepas itu saya dan Said ni rapatkan saya tau. Said mamak ni arwah ni, “Ohh dia ni asal daripada Kampung Chu badak (Kuala Lumpur, Malaysia)”, (ketawa kecil dan badan ke hadapan. Kampung Chubadak (Kuala Lumpur, Malaysia) masa tu kat sinilah. Memang ada (menunjukkan ke arah kiri).

**NZM:** Ohh (mengganguk dan memandang ke NNFR)

**NNFR:** (sambil mengganguk)

**MAMY:** \_\_\_ Kampung Chu badak (Kuala Lumpu, Malaysia) dan Kampung Pasir (Kuala Lumpur, Malaysia). (gagap) dua-- nama ni (menunjukkan 2 jari). Memang, memang ada. Abang lahir pun di situlah. Jadi, alamat tu diorang terpandang dekat beg.

**NZM & NNFR:** (sambil mengganguk).

**MAMY:** Ohh okey Chu badak Chu badak okey dipanggil Azmir Azmi Azmi badaklah (sambil memandang ke NZM dan NNFR). Azmir badak Azmir badak, Bad terus. Itu terus melekat Bad wah tak pernah\_\_okey. Bila dah dapat gelaran apa semua,

waktu tu saya dah dah *form two* [tingkatan dua] lah kan. Aa saya dah *form two* [tingkatan dua]. So [jadi], akademik lah apa semua. Aa sukan saya aktif.

**NZM: (sambil mengganguk).**

MAMY: Bila bila (berfikir sejenak dan merenung ke hadapan) belah petang, saya akan naik. Main takraw, takrawlah. So [jadi], bakat takraw, bakat takraw tu telah dihidu telah cikgu takraw. Okey. Masa itu saya tingkatan dua [2].

**NZM: (sambil mengganguk).**

MAMY: Bila (berfikir sejenak dan merenung ke hadapan) sekolah buat satu pemilihan untuk, untuk wakil sekolah. So [jadi] (berfikir sejenak dan merenung ke hadapan), ramai-ramai tunggulah ramai-ramai pergi kat gelanggang itu takraw tu.

**NZM: Semua (sambil mengganguk).**

MAMY: Okey semua-- lawanlah lawan. So [jadi], cikgu akan tengoklah seorang-seorang (meletakkan tangan di pinggang seperti berfikir). So [jadi], cikgu-cikgu apa, cikgu ternampak saya kan. Jadi\_\_

**NZM: Paling menyerlah (sambil mengganguk).**

MAMY: Paling menyerlah. Waktu itu yang bangganya sebab sepatutnya saya kena main bawah lima belas [15] tahun (sambil memandang ke NZM).

NZM: Ohh (sambil mengganguk).

NNFR: (sambil mengganguk)

MAMY: Terus cikgu serap ke bawah lapan belas [18] tahun

NZM: Eh? Boleh eh? (Sambil mengganguk)(ketawa kecil)

MAMY: Ha nampak kan ha terer tak terer.

NZM: Hebatlah tu (mengganguk dan ketawa kecil). Tekong lah. Ohh (sambil mengganguk).

MAMY: Jadi saya pun jadi terkejut (gangguan bunyi). Cikgu dah serapkan saya ke bawah lapan belas tahun. Lepas itu saya kena main bawah lima belas [15] baru boleh pergi lapan belas tapi disebabkan keterangan saya.

NZM: Tereran eh(ketawa besar dan mengganguk).

MAMY: Saya itu saya terus lompat pergi ke bawah lapan belas [18]. *Then* [kemudian] dapatlah wakil sekolah.

**NZM: Aha (sambil mengganguk).**

MAMY: Yang tu lagi yang ni *best* [terbaik] ni (sambil minum air). So, bila kita *fight kita* -- [lawan] sekolah (gagap) sekolah daerah Kuala Kangsar [Perak, Malaysia] eh daerah Kuala Kangsar [Perak, Malaysia]. Kuala Kangsar [Perak, Malaysia] ada Sekolah Menengah Bukit Mercu, ada sekolah apa saya lupa dah. *Then* [Kemudian], MCKK Maktab Melayu kan. Jadi bila dah berentap apa semua bom *final* [akhir] bila *final* [akhir]. Bila *final* [akhir] ni, Clifford ni bertemu Maktab Melayu.

**NZM: Ohh (sambil mengganguk).**

MAMY: Itu yang lagi saham naik kuat terus. (Ketawa besar) Waktu selepas rokok dah kena tangkap apa semua kan. Jadi saya *cover* [selindung] balik kesalahan saya itu dengan aa kita juara daerah Kuala Kangsar [Perak, Malaysia].

**NZM: Ohh (sambil mengganguk).**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: *So* [jadi], nampak tak? Saya dah tebus balik kesalahan saya tu kan. Jadi *popular* [terkenal] lah balik Bad ni dekat Clifford. *So* [jadi], cikgu kenal murid-murid semua tak apa, kawan-kawan semua, semua tahu. Bila-- *final* [akhir] ni oh.

*Come on* [ayuh] Bad, *Come on* [ayuh] Bad (sambil menepuk tangan). Cheh (ketawa besar).

**NZM: (ketawa besar dan mengganguk).**

**NNFR: (Ketawa kecil)**

MAMY: Aha (sambil mengganguk) memang *fight* [lawan] masa itu. Ooh *steady* [mantap] Bad *steady* [mantap] Bad (sambil menepuk tangan). Yeah (mengangkat kedua tangan ke atas).

**NZM: (ketawa besar dan mengganguk). Aha.**

**NNFR: (Ketawa kecil)**

MAMY: Semua jeritkan.

**NZM: Aha (mengganguk dan ketawa kecil).**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Sebab suspen tau.

**NZM: Ha yelah (sambil mengganguk). Betul (menganguk)**

MAMY: *Fight* [lawan] kan. *Fight* [lawan] ..

**NZM: Tapi main sepak takraw pun memang, kalau dulu tengok arwah ayah main tu. Dia memang main, macam *join* [sertai] pertandingan tu, rasa macam eh takutlah, macam dia—**

MAMY: Yelah ada yang lipat

**NZM: Ha ya kan (sambil mengganguk). Sampai terjatuh tu kan, macam em (sambil mengganguk)**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: (sambil mengganguk). Jadi, saya punya set ni adalah set penentu. Set penentuan tau.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk).**

MAMY: Alamak (tangan kanan di dada) lagilah kitakan aduh.

**NZM: Nervous [berdebar] (ketawa kecil)**

MAMY: “Aku kena berenang ni (gagap) kena menang ni” (sambil meletakkan tangan kanan di dada)

**NZM: Bawak nama sekolah (sambil mengganguk)**

MAMY: Ha kan (sambil mengganguk). Cikgu pulak, “ *Come on Azmir* [ayuh Azmir]” (sambil menepuk tangan), ha tengok cikgu panggil Azmir diorang tak panggil Bad. “ *Come on Azmir* [ayuh Azmir], *You can do it* [awak boleh lakukannya], *can do it* [boleh buat]” (sambil tunjuk ibu jari). Masing-masing *support* [sokong] la kan, memang suspen la kan (sambil melihat ke arah kanan). *Fight* [lawan], kejap sini,kejap\_\_ ha servis, ha sangkut. Ala sana pulak. Memang *best* [terbaik] kan,*game* [permainan] tu syiokla. Pastu bila dah nak masuk penamat, itu yang *best* [terbaik] tu.

**NZM: (ketawa kecil)**

MAMY: Memang *luck* [nasib baik] lah kita orang kan.

**NZM: Betul (sambil mengganguk).**

MAMY: Memang *luck* [nasib baik] lah kita orang. Tuh juara daerah Kuala Kangsar [Perak, Malaysia]. Aku dijulang balik (sambil mengangkat tangan kanan dan ketawa besar)

NZM: Suka (ketawa besar). Selepas di marah-marah, nasib baik kan (menunjukkan ke arah MAMY)

NNFR: (Ketawa kecil)

MAMY: Selepas kena *public canings* [hukuman rotan]. *Public canning* [hukuman rotan] malu tau (sambil memandang ke NZM). Satu sekolah (menunjukkan keseluruhan) semua tahu cikgu semua cikgu tahu. Ini apa budak (menunjukkan jari telunjuk ke hadapan) hisap rokok. Ha semua-- kacaulah pada perhimpunan kan.

NNFR: (sambil mengganguk)

MAMY: Perhimpunan, *that means* [maksudnya] perhimpunan dua [2] minggu sekali ke seminggu sekali ke sudah saya tak ingat dah. Aa kan. Semua kena berhimpun. Dia akan cakap pasal disiplin, pasal macam-macamlah. *So* [jadi], bila dah juara daerah Kuala Kangsar [Perak, Malaysia], berkepak lah aku (sambil mendabik dada).

NZM: (ketawa besar).

### **NNFR: (Ketawa kecil)**

MAMY: Mulalah. *So [jadi]*, apa jadi perbualan, kan. Sebab memang sengit *that time* [masa itu]. Memang sengit sampai cikgu pun suspen (meletakkan tangan kiri di dagu). “*Come on Azmir [ayuh Azmir]*”, (ketawa besar). Sampai cikgu sanggup lap peluh itu. Okey ooh kan dia lap peluh (melakonkan lap peluh ke NZM) apa semua kan wah.

### **NZM: *Relax, relax [Tenang tenang]* (Ketawa besar)**

### **NNFR: (Ketawa kecil)**

MAMY: *Then [kemudian]*, bila kita juara je. *So [jadi]*, saya dah *cover [selindung]* lah apa saya punya saya nak tebus saya punya kesilapan apa semua kan. Jadi saya jadi *popular [terkenal]* balik semua bukan jadi *popular [terkenal]* apa jadi terkenal balik dalam sekolah kan.

### **NZM & NNFR: (sambil mengganguk).**

MAMY: Okey. *So [jadi]*, seterusnya naik ke (berfikir sejenak dan meletakkan jari telunjuk di hidung) bola tampar, bola tampar pun saya wakil sekolah juga. Bola tampar. Aa (berfikir sejenak dan meletakkan tangan kiri di dagu) ping pong. Okey tiga-tiga (menunjukkan 3 jari) sukan saya, saya memang saya wakil sekolah. Aa tapi yang menyerlah adalah sepak takraw.

**NZM: (mengganguk dan melihat ke NNFR).**

**NNFR: (sambil mengganguk)**

MAMY: Sampai bawa, sampai dapat apa, untuk pemilihan pemilihan wakil negeri Perak [Malaysia]. Saya tak dapat. Tak dapat disebabkan apa? Tekong ni dia nak orang yang tinggi-tinggi

**NZM: Betul (sambil mengganguk).**

**NNFR: Ohh (sambil mengganguk)**

MAMY: Jadi waktu itu, saya kemetot.

**NZM: Rendang (ketawa kecil)**

MAMY: Tapi ada tapi, walaupun kemetot tapi saya servis laju. Aa itu kelebihan yang saya ada. Itu cikgu-cikgu suka cikgu pilih saya kan. Walaupun saya tak tinggi tapi sebenarnya seelok-eloknya kena ada ketinggian supaya bola itu akan menjunam.

**NZM: (sambil mengganguk). Bola tu pergi lah bila kita buat.**

MAMY: Yes [ya]. Bila kita sepak dia bola tu akan pergi tau. Jadi perlukan ketinggian. Jadi saya tak, saya tak ada benda itu. Jadi bila pemilihan untuk wakil Perak [Malaysia] negeri Perak [Malaysia] saya tak dapat. Jadi alamak *frust* [kecewa] lah kan haduh (ambil bersandar ke kerusi). So [jadi], apa *concentrate* [menumpukan perhatian] ke naik-- tingkatan—tiga [3]. Tingkatan tiga [3] saya apa, saya (ambil berfikir sejenak) ambil SRP *that time* [masa itu] sijil rendah pelajaran. Kemudian, okey bila saya ambil sijil rendah pelajaran, saya, saya dapat agregat yang tak memuaskan okey. Agregat tak memuaskan, saya *return* [kembali] balik ke Kuala Lumpur [Malaysia] balik

NZM & NNFR: Ohh (ambil mengganguk).

MAMY: Pergi ke Sekolah Menengah Maxwel (menunjukkan ke arah kanan). Masuk ke tingkatan empat [4]. *Return* [kembali] lah. Okey. Okey sampai ambil-ambil tingkatan empat [4] ambil SPM, okey lepas itu SPM pun saya tidak tidak begitu memberangsangkan. Okey okey. *Sorry-sorry* [Maaf-maaf], sebelum itu waktu selepas takraw di *form three* [tingkatan 3] itu waktu itu kan jam bermula pula saya punya bakat nyanyian.

NZM: Nyanyian (ambil mengganguk)

MAMY: Okey yang ni nyanyian ni yang yang seronok ni. Di mana, setiap petang bila acara bebas, siapa nak pergi sukan pergi siapa yang nak, nak duduk, duduk pun okey. Adalah budak-budak asrama yang boleh main gitar (ambil menunjukkan bermain gitar). Okey.

**NZM: (sambil mengganguk).**

**NNFR: Ohh (sambil mengganguk)**

MAMY: *So [jadi] (berfikir sejenak), bila yalah “eh Bad, aku dengar kau, kau boleh nyanyi”.*

Okey. Waktu itu apa pantang di di dipelawa apa lagi kan. Nyanyi nyanyi.

Sampailah tubuh satu *group* [kumpulan].

**NZM: (sambil mengganguk).**

MAMY: Ha satu *group* [kumpulan] di sekolah kan. Dan bila bila dapat tau saya boleh menyanyi. Diorang buatlah pertandingan nyanyian, pertandingan azan. Saya pun menangkan. Ingat lagi (ketawa lebar). Then, tiap-tiap harilah azan dekat-dekat asrama itu.

**NZM: (sambil mengganguk).**

**NNFR: Ohh (sambil mengganguk)**

MAMY: *So [jadi] (berfikir sejenak dan meletakkan tangan kiri di dagu), aa bila-- dah apa tubuhnya *group* [kumpulan] di di asrama itu. So [jadi] (meletakkan tangan di dagu dan berfikir), hari macam contoh Hari Guru ke apa , so [jadi] saya akan saya akan nyanyilah.*

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk).**

MAMY: Waktu itu kita orang lima orang. So [jadi], saya akan nyanyilah kan. Tak nyanyi dengan *band* [kumpulan] je. Kadang-kadang dalam bilik ruang pun saya nyanyi. Tapi, cikgu semua dah tahu kan? Dia orang tak boleh cakap apa. Kan. Tapi tanpa muziklah, *that time* [masa itu]. Aa tanpa muziklah. Aa main gitar (melakonkan bermain gitar). Okey. *Then* [kemudian], okey *after form three* [selepas tingkatan 3] balik ke KL [Malaysia] *return* [kembali] ke Sekolah Maxwell. Okey, masa tu masa tu belum baru-baru nak bermulah. Apa menyanyi baru nak *start* [mula] lah.

**NZM & NNFR: (sambil mengganguk).**

MAMY: *So* [Jadi], di situlah bermulanya saya punya bakat nyanyian.

**NZM: *Start* [Bermula]?**

MAMY: Saya saya masuk pertandingan tapi masuk pertandingan tu tak menang. Ada yang tak menang kan, tewas jugak. Aha. Bila bila dah minat begitu mendalam (gangguan bunyi) ke arah muzik (meletakkan tangan kanan ke dagu). *So* [jadi] mana-mana pertandingan pergi *fail* [gagal], pergi *fail* [gagal], pergi kat orang, ada dapat nombor tiga [3]. Merata ah.

**NZM & NNFR: ( sambil mengganguk).**

**MAMY:** Sehinggalah (berfikir sejenak) satu hari, ini cerita selepas dah habis sekolah eh, okey. Alah, memang dah ke bidang nyanyianlah ini. Sehinggalah ke satu hari saya terbaca dalam akhbar (berfikir sejenak dan merenung ke hadapan).

**NZM:** (**sambil mengganguk**).

**MAMY:** Komposer ataupun penulis maknanya komposerlah. Komposer Saari Amri ingin mencari (berfikir sejenak) penyanyi. Okey. *So [Jadi]*, saya pun baca surat khabar (melakonkan membaca surat khabar). Ooh Saari Amri nak pakai penyanyi yang siapa berminat sila datang ke pejabat BMG Music (ibu nari menunjukkan ke arah belakang) di Segambut. *So [Jadi]*, nak *try* [cuba] ke tak nak, nak *try* [cuba] ke tak nak. *Try* [cuba] lah (sambil menyandarkan badan ke kerusi).

**NZM:** Ohh (**mengganguk**).

**NNFR:** (**senyum kecil**)

**MAMY:** Eh *sorry* [maaf] -- (sambil menunjukkan tangan kanan ke NZM untuk berhenti). Kejap, kejap. Tertinggal (berfikir sejenak dan meletakkan jari telunjuk ke mulut). Sewaktu saya dah habis sekolah saya dapat kenal satu kumpulan ni.

**NZM:** Ohh (**mengganguk**).

**MAMY:** Okey kumpulan-kumpulan ni belum ada nama lagi *that time* [masa itu]. Tapi bila kita dah selalu kan, saya kenal dengan satu komposer ni nama dia Yusnor, arwah dah. Pada tahun 1989, lapan puluh sembilan (1989) ke sembilan puluh lah (90)

(sambil memetik pemetik api). Saya jumpa Encik Yusnor ni di Batu Caves (meletakkan tangan di mulut), rumah dia dekat sana (menunjukkan jari telunjuk ke hadapan). Lepas itu dia yang dia yang yang *audition* [uji bakat] saya dan dia terima saya sebagai penyanyi, diserapkan kepada anggota Analisa.

**NZM: (sambil mengganguk).**

**NNFR: Ohh (sambil mengganguk)**

MAMY: Itulah bermulanya, bermulanya

**NZM: Group [Kumpulan] itu ditubuhkan?**

MAMY: Saya merakamkan-- suara. Pertama kali di studio rakaman. Di Booty Boys Studio, Jalan Yap Kwan Seng. Saya ingat lagi. *So [jadi]*, saya di, saya dikenalkan kepada kumpulan Analisa that time. Yelah. Amir penyanyi apa lagi saya tak ingatlah, cerita lamakan. *So [jadi]*, kita dapat merakamkan satu[1] album. Album yang diberi judul Palestin.

**NZM: Palestin (mengganguk)**

MAMY: Ha (sambil menunjukkan jari telunjuk ke NZM) dah *study* [belajar] eh (ketawa lebar)?

**NZM: Aha (ketawa kecil).**

MAMY: Palestin. Bila dapat peluang merakamkan album dengan Yusnor sebagai penerbit.  
So [jadi], waktu tu walaupun dah jadi artis rakaman tapi

**NZM: Tak ada sambutan?**

MAMY: Kehidupan masih seperti biasa tidak ada perubahan tahu.

**NZM: Ohh (ambil mengganguk).**

**NNFR: (ambil mengganguk)**

MAMY: Masih lagi seperti biasa ya. Maksudnya-

**NZM: Belum dikenali lagi? Macam tu?(ambil mengganguk)**

MAMY: Belum, belum. Okey. Bila kita rakamkan, dah siapkan album Analisa nasib tidak menyebelahi kami. Di mana lapan [8] lagu yang dirakamkan itu telah di gam oleh pihak RTM hanya dua (menunjukkan 2 jari ke NZM) saja yang lulus.

**NZM: Maksud di gam tu?**

MAMY: Okey, di gam tu maksud dia tidak boleh disiarkan di mana-mana corong radio.

**NZM & NNFR: Ohh (mengganguk).**

MAMY: Jadi yang kena gam pula lagu *target* [sasaran] lagu *target* [sasaran] yang akan *popular* [terkenal].

**NZM: Memang untuk --**

MAMY: Lagu tajuk tu ‘Hamparan Kasih’. So [jadi], memang kita *target* [sasaran] lagu itu akan menjadi *popular* [terkenal]. Tapi lagu itu kena gam. Bila kena gam jadi alamak dah kena dah buat album kena gam pula. Kan jadi rasa sikitlah kekecewaan itu kan. Okey dalam masa yang sama saya tak ada, saya tak buat apa-apa, saya tak bekerja saya hanya main muzikkan dengan rambut pun saya simpan panjang (sambil melakonkan memegang rambut).

**NZM & NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Kalau arwah mak ni kalau naik motor dengan dia kan? Kalau saya bawa motor, dia tarik ke belakang ni bila nak potong (ketawa kecil).

**NZM & NNFR: (ketawa besar)**

MAMY: Dia suruh kerja, “kerjalah kau ni apa nak jadi ni” (sambil tangan kanan menepuk meja) pung pang (sambil membuat gaya bercakap). Diam je. Lepastu saya bantu, dalam masa yang sama saya bantu mak saya menjual nasi lemak di Jalan Ipoh [Perak, Malaysia].

**NZM:** (sambil mengganguk).

**NNFR:** Ohh (sambil mengganguk).

MAMY: Kan. So [Jadi], pengalaman meniaga tu ada lah.

**NZM:** Masa *join* [sertai] *group* [kumpulan] Analisa tu pegang apa orang kata sebagai apa?

MAMY: Penyanyilah.

**NZM:** Penyanyi? Bukan vokalis?

MAMY: Vokalis tu penyanyilah.

**NZM:** Ohh (mengganguk dan ketawa lebar). Yelah ada orang ada bahagian masing-masing kan

**NNFR:** Ohh (mengganguk dan ketawa lebar).

MAMY: Vokalis tu dalam Bahasa Inggeris, kalau bahasa Melayunya penyanyi. Vokalis itu Bahasa Inggeris. Okey.

**NZM: (ambil mengganguk).**

MAMY: Dan apabila dah dapat dia buat apa, *frust* [kecewa] sebab kena gam. Bila kena gam tak bolehlah main di radio, orang tak tahuolah kan jadi alamak (ambil meletakkan tangan di dahi) dah macam ni macam ni pula cerita dia. Okey *fine* [baiklah] tak apa tapi yalah masih lagi *still* [masih] macam itu jugalah memang minat muzik itu memang mendalam kan. Arwah mak cakap suruh kerja buat tak tahu je kan. Masatu dah jadi rockers dah (bersandar ke kerusi dan memegang tepi kepala).

**NZM: (ambil mengganguk dan ketawa kecil)**

**NNFR: (ketawa kecil)**

MAMY: Dengan rambut panjang (ambil melakonkan memegang rambut). Siap bela rambut nih. Apa ambil daun lidah buaya punya lendir itu. Macam-macamlah ada orang kata biar-- panjang kan.

**NZM: Ohh (ambil mengganguk) rambut tu -**

MAMY: Biar rambut tu panjangkan. Okey. Kelebihan, sayang tau rambut tu potong.

**NZM: Aha (ambil mengganguk).**

MAMY: Rambut, rambut saya ni, dia, dia jadi *curly* [kerinting].

MAMY: -- ya kena tidur awal dari pukul (tersasul) tidur pukul sepuluh[10] so bangun (membuat pergerakkan tangan) pukul tujuh [7] , pukul lapan[8] dah berapa jam tu ha cantikla tu, ini nak nyanyi pukul --.

**NZM: Nak *warm up* (panaskan badan) lagi apa benda nanti kan?**

MAMY: Nak nyanyi pukul lapan [8] malam bangun tidur (tersasul) ha apa (isyarat tangan berhenti).

**NZM: Lapan pagi [8].**

MAMY: Bukan-- baru nak tidur pukul enam [6] pagi.

**NNFR &NZM: (Sambil mengangguk).**

MAMY: Mana boleh (membuat pergerakkan tangan) (menyandarkan badan ke kerusi). Ha ini berlaku tau.

**NZM: (Sambil mengangguk).**

MAMY: Ada (mengangguk kepala satu kali) *because* [kerana] dia rasa diri dia dah *terror* [hebat] dah *popular* [terkenal] (membuat pergerakkan tangan), argh aku dah *popular* [terkenal] aku dah dikenali.

**NNFR &NZM: (Sambil mengangguk).**

MAMY: Dia ada sikap macam tu tak boleh (menggeleng kepala). Kena buang ( membuat pergerakkan tangan) sikap tu kan kena ikut disiplinkan diri ini penting ( membuat pergerakkan tangan) supaya kita tidak akan merasa (berfikir) letih --.

**NZM : (Sambil mengangguk).**

MAMY: -- kita perlukan rehat \_\_\_\_ dia bukan *machine* [mesin] tekak ni bukan mesin dia -- kalau kena serak habis la kau. \_ bila bila ku kenali (menyanyi dengan suara serak).

**NZM & NNFR: (Ketawa kecil).**

MAMY: (Ketawa besar).

**NZM: Lari dah lagunya semua.**

MAMY: (Menghisap rokok).

**NNFR: Kalau harapan abang Amir sendiri dalam industri muzik tanah air pada masa akan datang?**

MAMY: Saya ingin melihatkan industri ini supaya lebih berkembang (membuat pergerakkan tangan) dengan maju dan jayanya dan tidak ada (berfikir) perkara-perkara yang boleh menjahanamkan muzik industri kita ni. Sebab kita kena hargai (berfikir) apa kerjaya yang kita lalui ni sebab kalau nak jadi penyanyi buat bersungguh-sungguh jangan main- main (membuat pergerakkan tangan).

**NNFR &NZM: (Sambil mengangguk).**

MAMY: Kalau main-main (membuat pergerakkan tangan) jangan-- jangan jadi penyanyi.

**NNFR &NZM: (Sambil mengangguk).**

MAMY: Kalau nak jadi penyanyi karaoke buat macam nak jadi penyanyi karaoke, kalau nak ada album (mengangkat jari telunjuk) buat cara nak pergi nyata ada album (membuat pergerakkan tangan) (berfikir) kena-- orang cakap apa (gagap) kena ada apa ni versi ( mengangkat jari telunjuk). Aku nak *target* [sasaran] (mengangkat jari telunjuk) macam contoh sekarang ni abang nak --.

**NZM: Target [sasaran].**

MAMY: -- Aku nak *target* [sasaran] (menghala jari telunjuk ke bawah) UKAYS *reunion* [kemunculan semula] ni terlaksana.

**NNFR &NZM: (Sambil mengangguk).**

MAMY: Tapi tulah (gangguan bunyi) benda tu sebab kita tak boleh buat sorang-sorang kita kena ada *team* [kumpulan] dan kita kena ada satu --.

**NZM: sponsor [tajaan].**

MAMY: Maknanya duit la kan (menujuk isyarat jari duit), *sponsor* [tajaan] baru (gagap) baru boleh dia akan terlaksana kalau benda tu tak ada pun tak ada guna juga (membuat pergerakkan tangan). Tapi (tersasul) inshaallah kot harap-harap ianya akan terlaksana dan kita sedang merangka tapi bukan abang yang (tersasul) sebenarnya bukan abang (menunjuk diri sendiri) yang buat adalah *team* [kumpulan] abang yang sedang merangka benda ni,diorang tugas diorang la kan macam tugas artis dia kena (berfikir) praktis (jari sedang mengira) --.

**NZM: Jaga --.**

MAMY: Jaga suara (membuat pergerakkan tangan), jaga apa orang cakap kesihatan supaya benda ni bila dia nyanyi pun orang nak tengok wahhh dia masih boleh lagi nyanyi (membuat pergerakkan tangan).

**NZM: Masih berbisa orang kata (ketawa kecil).**

MAMY: Berbisa kan.

NZM: Sampai sekarang.

MAMY: Masih *handsome* [kacak] lah.

**NZM : (Ketawa kecil) betul masih *handsome* [kacak] betullah tu.**

MAMY: Kau tunggu aku pakai bedak baru kau tau.

**NZM & NNF: (Ketawa besar).**

MAMY: Lagi apa lagi? ( Membuat pegerakkan tangan).

**NZM: Okey dah tu jelah ni *last* [terakhir] --.**

MAMY: *Last* [terakhir]

**NZM : -- dah tak ada (menggeleng kepala) dah soalan.**

**NNFR: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan --.**

**MAMY:** Ingatkan nak tanya berapa orang *girlfriend* [teman wanita].

**NZM & NNFR: (Ketawa kecil).**

**NNFR:** Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang industri seni muzik bersama encik Mohd Azmir bin Muhammad Yusof. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah di harapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang industri seni muzik para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**LOG**  
**TEMUBUAL**

## 6.0 LOG TEMU BUAL

LOG	TOPIK	HURAIAN
00:57- 04:43	Latar belakang diri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilahirkan 4 Februari 1969</li> <li>• Di Kuala Lumpur</li> <li>• 6 orang adik beradik (2 orang kakak, 1 orang abang, 2 orang adik)</li> <li>• Anak yang keempat</li> <li>• Keluarga berasal daripada Leggong, Perak</li> <li>• Sekolah Rendah Laki Laki Methodist Sentul, 1970</li> </ul>
04:44-19:17	Pengkisahan kehidupan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehidupan yang serba kekurangan dan daif.</li> <li>• Peristiwa rumah terbakar.</li> <li>• Sebelum masuk Sekolah Menengah sudah menunjukkan minat bernyanyi.</li> <li>• Tidak ada mengikuti pertandingan.</li> </ul>
19:18-52:59	Latar Belakang Pendidikan Sekolah Menengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Menengah Methodist Sentul.</li> <li>• Semasa Tingkatan 2, masuk ke sekolah berasrama di Kuala Kangsar, Perak iaitu Sekolah Menengah Clifford.</li> <li>• Asrama yang didapati adalah Ruang G.</li> <li>• Di Sekolah Menengah Clifford dikenali sebagai Bad.</li> <li>• Bakat sebenar di dalam Sepak Takraw iaitu bermain di posisi Tekong dan pernah menjuarai Pertandingan Sepak Takraw Daerah.</li> <li>• Bakat nyanyian semasa Tingkatan 3. Mengikuti kumpulan nyanyian di sekolah iaitu terdiri daripada 5 orang. Mengikuti pertandingan nyanyian tetapi tidak memenanginya.</li> </ul>

53:00-1:00:39	Kumpulan Analisa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tamat sekolah menengah, mengenali komposer Yusnor pada 1989 di Batu Caves.</li> <li>Diserapkan di Kumpulan Analisa. Bermulanya merakamkan suara di Studio Rakaman iaitu Booty Boys Studio, Jalan Yap Kwan Seng.</li> <li>Tokoh dipilih sebagai vokalis. Analisa dapat merakamkan 1 album yang berjudul Palestin.</li> <li>8 lagu telah digam oleh RTM dan hanya 2 lagu sahaja yang lulus untuk disiarkan di radio.</li> </ul>
1:00:40-1.12.36	Kerjaya lain sebelum dikenali sebagai artis	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekerja sebagai pelayan di Koreana Karaoke, di Jalan Imbi selama 2 tahun selepas mengeluarkan Album UKAYS Mencari.</li> <li>Masuk bekerja pukul 8 malam sehingga 2 pagi.</li> <li>Mengasah bakat nyanyian dengan menyanyi lagu Korea di Koreana Karaoke untuk pengunjung.</li> </ul>
1.12.37- 1:15:05	Ujibakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membaca keratan akhbar yang memaparkan artikel berkaitan Saari Amri mencari artis rakaman lelaki untuk dijadikan artis.</li> <li>Sesi uji bakatnya dilakukan di Pejabat BMG, Segambut.</li> <li>Lagu yang dinyanyikan pada sesi uji bakat itu adalah Sentuhan Kecundang, Ekamutra</li> </ul>
1:15:06-1:15:38	Pengalaman Awal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Saari Amri memperkenalkan Amir kepada kumpulan UKAY di Studio Rakaman Kota Baru.</li> <li>UKAY tidak mempunyai vokalis.</li> </ul>
1:15:16-1:19:11	Pengalaman Awal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tokoh melepas sesi ujibakat yang dilakukan, kemudian diberikan lirik. Tokoh 1diberitahu bahawa, dia telah diserapkan ke dalam kumpulan UKAY.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh kemudiannya diperkenalkan kepada kumpulan UKAY.</li> </ul>
1:19:12-1:21:34	Album	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merakamkan album di Production House Saari Amri itu sendiri iaitu Mekar Production. Merakamkan album Mencari pada 1993.</li> <li>• Lagu popular pada masa itu ialah Terasa, Kembali Mencari dan Berkat Kasihmu. Tetapi nasib masih lagi tak menyebelahi Kumpulan UKAYS.</li> <li>• Gagal dalam Album Mencari kerana kurang mendapat sambutan.</li> </ul>
1:21:35-1:22:44	Kisah nama Kumpulan UKAYS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apabila diserapkan di dalam kumpulan UKAY, nama kumpulan ditambahkan huruf ‘S’ iaitu Sentul.</li> <li>• Kumpulan UKAYS bertukar nama selepas tokoh menyertai kumpulan UKAY manakala UK bermaksud Ulu Klang.</li> </ul>
1:22:45-1:35:52	Album	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Album Bisa Berbisa mendapat sambutan. Dikenali ramai oleh negara Indonesia, Brunei dan Malaysia.</li> <li>• Konsep Album Mencari ialah Pop Rock dan album bertemakan cinta.</li> <li>• Antara lagu yang diciptakan oleh Saari Amri berdasarkan kehidupan yang dialaminya adalah Di Sana Menanti, Di Sini Menunggu, Tergamak Kau, Kekasihku Di Menara, Sudah Tiada Tunasnya, Pahit Akan Manis Akhirnya.</li> <li>• Lagu yang sering dinyanyikan sewaktu persembahan adalah lagu yang sering didengari oleh peminat.</li> </ul>

1:35:53-1:37:03	Pengalaman semasa rakaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Zaman analog, tidak di bantu oleh teknologi.</li> <li>• Semasa rakaman perlu mengulang beberapa kali untuk mendapatkan hasil yang bagus untuk sebuah lagu.</li> <li>• Tidak menggunakan ‘Autotune’.</li> </ul>
1:37:04-1:37:37	Perbezaan penyanyi dahulu dan penyanyi sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyanyi zaman sekarang tidak boleh menyanyi secara lansung.</li> <li>• Cepat naik dan jatuh semasa berada di industri muzik.</li> <li>• Susah untuk bertahan di dalam industri muzik.</li> <li>• Lagu UKAYS masih lagi bertahan dan merupakan lagenda.</li> </ul>
1:37:38-1:38:38	Atitud dan disiplin penyanyi dahulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbeza atitud penyanyi dahulu dan sekarang.</li> <li>• Penyanyi dahulu menghormati antara komposer dengan artis lain.</li> <li>• Manakala artis sekarang mereka tidak menghormati artis lama.</li> <li>• Penyanyi sekarang tidak ada sikap seperti penyanyi dahulu iaitu saling menghormati.</li> <li>• Penyanyi baharu iaitu zaman digital tidak mengalami kepayaan seperti penyanyi dahulu iaitu zaman analog. Mereka mampu bertahan sehingga sekarang.</li> </ul>
1:38:39-1:39:42	Pembayaran penyanyi dahulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika lagu sudah bertahan lama, boleh meletakkan harga kerana mampu menjadi lagu legenda.</li> <li>• Bukan mudah untuk membuat lagu bertahan sehingga 30 tahun, jadi pembayaran boleh ditetapkan.</li> </ul>
1:39:43-1:43:45	Cetak rompak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketika zaman P Ramlee lagi tidak dapat dihapuskan sehingga sekarang.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenayah Antarabangsa.</li> <li>• Semua album UKAYS yang berjaya dicetak rompak.</li> <li>• Cetak rompak didalangi oleh syarikat rakaman. Mereka mengambil keuntungan daripada penjualan secara haram.</li> </ul>
1:43:46-1:44:55	Perbezaan Genre	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat perbezaan genre muzik pada waktu dahulu dan sekarang.</li> <li>• Genre muzik pada waktu dahulu di rakamkan secara berhati-hati, berbeza dengan sekarang.</li> <li>• Sekarang berbeza dari segi nyanyian, bunyi boleh berubah mengikut kesesuain suara.</li> </ul>
1:44:56-1:46:05	Muzik video	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada waktu dahulu penyanyi perlu melibatkan diri semasa merakamkan muzik video.</li> <li>• Penyanyi dahulu perlu berlakon sendiri semasa rakaman video muzik. Kerana peminat mahu melihat visual dan audio dilakukan oleh artis itu sendiri.</li> <li>• Lagu Kekasihku memberikan kesan yang mendalam kepada tokoh, kerana berlakon bersama bekas isteri di muzik video tersebut.</li> </ul>
1:46:06-1:48:15	Kenangan manis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bangga UKAYS mendapat sambutan sehingga dapat pergi ke negara Indonesia dan Brunei bagi mempromosikan lagu.</li> <li>• Berjumpa dengan orang ramai.</li> <li>• Tahap sebagai seorang artis diangkat oleh peminat.</li> <li>• Karier akan dipandang tinggi oleh orang bila dikenali.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarga berasa bangga dengan kejayaan yang susah untuk didapatkan.</li> </ul>
1:48:16-1:49:46	Perbezaan kepayahan penyanyi dahulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyanyi sekarang tidak merasai kepayahan seperti penyanyi dahulu.</li> <li>• Tidak mempunyai duit belanja.</li> <li>• Penyanyi dahulu merasai kepayahan untuk berjaya.</li> <li>• Penyanyi sekarang mudah untuk mendapat nama dan berjaya.</li> </ul>
1:49:47-1:52:06	Kenangan manis bersama ahli kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramai peminat daripada negara-negara lain.</li> <li>• Menerima banyak surat daripada peminat.</li> </ul>
1:52:07-1:56:13	Kenangan pahit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ditipu oleh promoter.</li> <li>• Tidak dapat bayaran untuk persembahan.</li> <li>• Jangan memberikan 100% kepercayaan kepada promoter jika mereka suruh membuat persembahan sebelum memberikan bayaran.</li> <li>• Mengajar tokoh untuk berhati-hati supaya tidak ditipu lagi.</li> <li>• Pengalaman harus dijadikan sebagai pedoman untuk masa akan datang supaya tidak ditipu.</li> </ul>
1:56:14-2:00:54	Perkembangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasrat merangka konsert terbesar UKAYS.</li> <li>• Konsert yang diberi nama UKAYS Reunion 25 tahun.</li> <li>• Merangka konsert UKAYS diiringi dengan orkestra di Istana Budaya</li> <li>• Bulan Jun 2022 iaitu 2 malam berturut-turut.</li> <li>• Kesemua lagu terbaik UKAYS akan dinyanyikan secara lansung di Istana Budaya.</li> </ul>

2:00:55-2:02:15	Kerjaya lain selain penyanyi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada, fokus utama hanya kepada nyanyian.</li> <li>• Kerjaya tokoh adalah menjadi artis rakaman sepenuh masa.</li> </ul>
2:02:16-2:07:55	Anugerah yang diterima	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ASEAN Golden Vocalist Festival, Hanoi (1999)</li> <li>• Tokoh mewakili Malaysia dan juga penyanyi Camelia.</li> <li>• Seramai 14 buah negara yang bertanding.</li> <li>• UKAYS diberi penghargaan di atas penjualan album iaitu 2 juta unit termasuk Indonesia.</li> </ul>
2:07:56-2:10:47	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh berpendapat bahawa UKAYS merupakan satu sumbangan diingati sampai bila-bila.</li> <li>• Terdapat lagu UKAYS berunsurkan Ketuhanan iaitu lagu Kau Satu-Satunya, Bila Diri Disayangi, Kita Akan Dijemput, Minda dan Jiwa.</li> </ul>
2:10:48-2:12:18	Pendapat berkaitan pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencapaian penyanyi lama yang mempunyai album harus di pandang tinggi.</li> <li>• Tidak boleh disamakan dengan pencapaian penyanyi baharu.</li> </ul>
2:12:19-2:16:38	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika menjadi penyanyi baharu, perlu belajar apa yang boleh dilakukan dna tidak boleh dilakukan di dalam industri.</li> <li>• Perlu ada disiplin diri.</li> <li>• Harapan industri seni muzik supaya sentiasa berkembang maju dan jaya.</li> <li>• Hargai kerjaya yang dilalui, jika ingin menjadi penyanyi perlu bersungguh-sungguh.</li> </ul>

**RALAT**

## **7.0 RALAT**

Sesi temubual ini telah kami laksanakan bersama tokoh kami iaitu Encik Mohd Azmir Bin Muhammad Yusof. Terdapat beberapa gangguan dan halangan yang tidak dapat dielakkan ketika temubual ini dijalankan. Oleh hal yang demikian, sesi temubual ini tetap berjalan dengan lancar. Antara faktor gangguan yang tidak dapat dielakkan ialah:

- Gangguan bunyi muzik latar
- Gangguan bunyi orang bercakap
- Gangguan bunyi orang menarik kerusi
- Gangguan bunyi motor
- Gangguan bunyi kereta

Walaupun sesi temubual ini terdapat beberapa gangguan dan halangan, namun temubual ini dapat berjalan lancar dengan jayanya. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh kami iaitu Encik Mohd Azmir Bin Muhammad Yusof di atas kesudian beliau untuk meluangkan masa bersama kami dalam melaksanakan sesi temubual ini.

# GLOSARI

## **8.0 GLOSARI**

Awek	Merupakan sejenis panggilan yang biasa dihubungkan dengan seorang gadis.
Binawir	Memberikan maksud tidak berguna.
Buntang	Memberi maksud mata yang terbeliak atau terbuka luas-luas.
Dijulang	Menjunjung tinggi, menyanjung, amat menghormati atau penjulang orang atau sesuatu yang menjulang.
Gah	Memberikan maksud kepada Kemasyhuran, Kemuliaan dan termasyhur di mana ia menjadi buat pertuturan orang.
Gam	Memberikan maksud di halang dalam melakukan sesuatu perkara.
Innallilahirojiun	Merupakan kalimat yang biasa diucapkan oleh umat muslim ketika tertimpa musibah.
Kemetot	Memberi maksud seseorang yang kerdil.
Konar	Merupakan bahasa pasar yang digunakan masyarakat bermaksud membelok ke arah sesuatu tempat.
Leceh	Memberi maksud melambatkan sesuatu perkara yang ingin diselesaikan.
Melalak	Merupakan dialek Johor iaitu bermaksud menjerit atau bercakap secara kuat-kuat.
PKP	Sebuah prosedur operasi standard yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakkan untuk menangani penularan COVID-19.
Prep	Merupakan singkatan kepada Preparatory school iaitu kebiasaannya digunakan di asrama.
Public cannings	Sejenis hukuman rotan yang dilakukan di khalayak ramai atau perbuatan memukul seseorang dengan kayu sebagai hukuman.
Ragging	Memberi maksud penderaan fizikal yang melibatkan penderaan mental, emosi dan seksual.
Serap	Menggabungkan dengan yang lain atau memasukkan ke dalam sesuatu.

SPM	Sejenis peperiksaan yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.
SRP	Bermaksud Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran iaitu untuk pelajar Tingkatan 3.
Syiock	Merupakan bahasa pasar yang digunakan oleh masyarakat, bermaksud seronok.
Tekong	Pemain tengah-tengah dalam permainan sepak takraw yang membuat servis.
Wang pos	Kepingan kertas yang mempunyai nilai tertentu yang boleh ditunaikan, yang dijua kepada pelanggan oleh pejabat pos dengan mengenakan komisen.

# **INDEKS**

## **9.0 INDEKS**

---

### **A**

Analisa.....	4, 109, 110, 112, 115, 116, 119, 129, 136, 226
ASEAN Golden Vocalist Festival.....	231
Autotune .....	228

---

### **B**

Barisan Nasional.....	iii
Bas Mara Express .....	61
Bertelsmann Music Group .....	iii, 129, 169
Biola .....	10, 196, 198
Bisa Berbisa.....	4, 227
Booty Boys Studio.....	109, 226

---

### **C**

Chu Badak .....	27, 28, 241
-----------------	-------------

---

### **G**

Gitar.....	10, 105, 107, 116, 129
------------	------------------------

---

### **H**

Hamparan Kasih .....	111
Hanoi .....	201, 231, 241

---

### **I**

Instagram .....	iii, 241, 252
Instrumental art.....	9
Istana Budaya .....	194, 195, 230

---

### **J**

Jalan Yap Kwan Seng .....	109, 226
---------------------------	----------

---

**K**

Kampung Padang Balang.....	51
Kemetot .....	233
Koreana.....	117, 122, 135, 226
Kotaraya .....	51

---

**L**

La Salle School.....	iii
Lenggong.....	15

---

**M**

Maktab Melayu.....	58, 59, 98
Malay College Kuala Kangsar.....	iii
MCKK .....	59, 98
Mekar production.....	134
Methodist Boy School .....	iii, 19, 20, 53
Millennium .....	11
Movement Control Order.....	iii

---

**P**

Perintah Kawalan Pergerakan .....	iii, 234
piano .....	10
Production House.....	134, 227

---

**R**

Rancangan Khas .....	iii, 61, 63, 66, 73
----------------------	---------------------

---

**S**

Sekolah La Salle .....	53
Sekolah Menengah Clifford,.....	58, 241
Sijil Pelajaran Malaysia .....	iii
Sijil Rendah Pelajaran.....	iii, 234
Syair.....	10

---

**T**

Telaga .....	29, 30
--------------	--------

---

***U***

Ulu Klang .....	137, 227
United Malays National Organisation.....	iii

---

***V***

Veteran .....	6, 7, 8, 11, 164, 240, 252
---------------	----------------------------

---

***Z***

Zaman analog .....	160, 228
--------------------	----------

# **BIBLIOGRAFI**

## 10.0 BIBLIOGRAFI

Arianto, A. (2021, January 14). *Makna Ucapan Inalillahi Wa Inna Ilaihi Raji 'uun dan Waktu yang Tepat Saat Mengucapkannya*. Berita DIY. <https://beritadiy.pikiran-rakyat.com/citizen/pr-701270733/makna-ucapan-inalillahi-wa-inna-ilaihi-rajiuun-dan-waktu-yang-tepat-saat-mengucapkannya>

Cambridge Dictionary. (2021, December 22). *caning definition: 1. the act of hitting someone with a stick as a punishment: 2. material made from canes (= long. . . Learn more.* <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/caning>

*Carian Umum.* (2017). Kamus Dewan DBP. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Leceh>

*Carian Umum.* (2017). Kamus Dewan DBP. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=gah>

*Carian Umum.* (2017). Kamus Dewan DBP. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kemetot>

*Carian Umum.* (2017). Kamus Dewan DBP. [#LIHATSINI](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=dijulang&d=102572)

*Carian Umum.* (2017). Kamus Dewan DBP. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=serap>

*Carian Umum.* (2017). Kamus Dewan DBP. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=wang+pos>

*Carian Umum.* (2017). Kamus Dewan DBP. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=buntang>

*Carian Umum.* (2017). Kamus Online DBP. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=awek>

COVID-19 MALAYSIA. (2021, August 25). *SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp>

Dewan Bahasa Dan Pustaka. Carian Umum. (2017). Retrieved October 27, 2021, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=muzik>.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. Carian Umum. (2017). Retrieved October 27, 2021, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=artis>

Dr. Fariza Khalid. (2021). *OBJEKTIF&PERSOALAN KAJIAN*. Retrieved 21 October 2021 from [https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/persoalan\\_kajian\\_.pdf](https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/persoalan_kajian_.pdf)

Everts, R., Hitters, E., & Berkers, P. (2021). The working life of musicians: mapping the work activities and values of early-career pop musicians in the Dutch music industry. *Creative Industries Journal*, 1–20. doi:10.1080/17510694.2021.189949

Han Lin, S. (2020, July 14). *Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?* Researchgate.Net. [https://www.researchgate.net/publication/342923894\\_Sejauhmanakah\\_Sejarah\\_Lisan\\_penting\\_dan\\_diperlukan\\_dalam\\_penyelidikan\\_dan\\_penulisan\\_sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)

Hanafi, L. H., Mohamad Al-Bakri, Z., & Raja Shaharuddin, R. R. (2018). *Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid Menurut Perspektif Fiqh dan Fatwa*. Journal of Fatwa Management and Research,3(1),83-108.<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol3no1.110>

Haron, N. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44-58.

JOKO, E. P. (2020). *SEJARAH LISAN: ORAL HISTORY*. Jurnal Kinabalu, 195. Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/2491>

Library University Malaya. (2020, November 4). *Sejarah Lisan*. Retrieved November 13, 2021, from <https://umlib.um.edu.my/ms/sejarah-lisan/>

Mohd.Hemli Nor. (2019, August 29). *Artis veteran lagi popular*. Harian Metro. Retrieved November 13, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/08/490984/artis-veteran-lagi-popular>

Namri, Sidek.(2019, September 15). Asal-Usul Nama Genre Muzik Terkenal Dunia. Iluminasi. Retrieved November 9, 2021, from <https://iluminasi.com/bm/asal-usul-nama-genre-muzik-terkenal-dunia.html>

R. (2018, February 5). “*Ragging*” Dalam Institusi Pendidikan: Di Manakah Kesudahannya? ASKLEGAL. <https://asklegal.my/p/ragging-dalam-institusi-pendidikan-di-manakah-kesudahannya.html>

Saari, N., Sarji, A., & Basri, F. K. H. (2010). MUZIK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL: PAPARAN DASAR INDUSTRI HIBURAN DALAM AKAHBARAKHBAR DI MALAYSIA. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 26(2).

SENIMAN - Definisi seniman dalam kamus Melayu. (n.d). educalingo. Retrieved November 13, 2021, from <https://educalingo.com/ms/dic-ms/seniman>

Starr, L. (1984). Oral History. In D. K. B. Dunaway, Willa K. (Ed.), *Oral History: An Interdisciplinary Anthology* (pp. 40). London: Altamira Press.

Sudirman Mohd Tahir, S. M. (2020, 15 mei). Rashid Sibir lebih suka pelakon veteran. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/rap/2020/05/578719/rashid-sibir-lebih-suka-pelakon-veteran>

Universiti Kebangsaan Malaysia. (2007).Pusat Kajian Sejarah Lisan. Retrieved from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>.

# LAMPIRAN

## 11.0 LAMPIRAN

### 11.1 BIOGRAFI TOKOH



#### MAKLUMAT PERIBADI

Umur: 52 tahun

Tarikh Lahir: 4 Februari 1969

Tempat Lahir: Kampung Chu Badak, Kuala Lumpur

Alamat: 50, Jalan Dato Senu 32, 51000, Wangsa Maju, Kuala Lumpur

No. Telefon: 012-3169171

---

MOHD AZMIR BIN  
MUHAMMAD YUSOF

---

#### PROFILE

Seorang penyanyi lagenda iaitu berada di kumpulan UKAYS.

Telah bergiat di dalam industri seni muzik selama 30 tahun dan masih lagi bergiat sehingga sekarang.

#### HUBUNGI

Instagram: @amirukaysofficial

#### PENDIDIKAN

Sekolah Rendah:

1. Sekolah Kebangsaan (L) Methodist Sentul, Kuala Lumpur.

Sekolah Menengah:

1. Sekolah Menengah Kebangsaan (L) Methodist Sentul, Kuala Lumpur.
2. Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar.
3. Sekolah Menengah Maxwell, Sentul, Kuala Lumpur.


#### PEKERJAAN

Bidang: Industri Seni Muzik

Pencapaian:

1. Asean Golden Vocalist Festival, Hanoi (1999)
2. Penghargaan Penjualan Album Sebanyak 2 Juta Unit

## 11.2 SURAT PERJANJIAN



### **11.3 SENARAI SOALAN**

#### **DRAF SOALAN**

##### **SOALAN ORIENTASI**

###### **BOLEHKAH ENCIK AMIR CERITAKAN SERBA SEDIKIT BERKAITAN LATAR BELAKANG HIDUP ENCIK AMIR?**

###### **Latar belakang diri**

1. Siapakah nama sebenar encik?
2. Bila encik dilahirkan?
3. Dimanakah encik dilahirkan?
4. Encik anak yang ke berapa dalam keluarga?
5. Boleh kongsikan apa hobi encik Amir?

###### **Latar belakang keluarga**

1. Siapa nama ibu-bapa encik?
2. Apakah pekerjaan ibubapa encik?
3. Berapa bilangan adik beradik encik Amir ?

###### **Latar belakang pendidikan**

1. Dimanakah encik bersekolah rendah?
2. Dimanakah encik Amir bersekolah menengah ?
3. Adakah encik bergiat aktif dalam kurikulum ketika bersekolah rendah dan menengah?
  - Adakah encik pernah memenangi mana-mana anugerah semasa sekolah?
4. Apakah peringkat tertinggi pelajaran yang dilanjutkan oleh encik?
  - Dimana encik melanjutkan pelajaran?
  - Apakah bidang yang diambil oleh encik semasa melanjutkan pelajaran?

## **SOALAN UMUM**

### **IDOLA**

#### **SIAPAKAH IDOLA ENCIK AMIR DALAM BIDANG NYANYIAN?**

- a) Siapakah idola encik Amir ?
- b) Sejak bila encik Amir mengidolakan beliau?
- c) Mengapa encik Amir mengidolakan beliau?
- d) Bagaimana beliau menjadi pendorong encik dalam bidang nyanyian?

### **PENDAPAT**

#### **APA PENDAPAT ENCIK AMIR TENTANG INDUSTRI NYANYIAN ?**

- a) Apa pendapat encik Amir mengenai penyanyi era dulu dan juga yang sekarang?
  - Dari segi kualiti adakah terdapat perbezaan antara penyanyi dulu dan sekarang?
  - Apakah pendapat encik dari segi pakaian penyanyi dahulu dan sekarang?
  - Apakah pendapat encik tentang attitud dan disiplin penyanyi dahulu dan sekarang?
  - Bagaimanakah bayaran penyanyi dahulu dan sekarang?
  - Apa pendapat encik Amir mengenai masalah cetak rompak yang masih membelenggu industri seni?
    1. Pernahkah karya encik Amir dicetak rompak?
    2. Bagi encik Amir apakah kesan cetak rompak dalam industri seni? (diri encik )

## **GENRE MUZIK**

### **APA PENDAPAT ENCIK AMIR MENGENAI GENRE MUZIK DAHULU DAN SEKARANG ?**

1. Apa pendapat encik tentang genre muzik yang popular dahulu dan sekarang ?
  - a) (rock) Mengapa encik berkata sedemikian ?
  - b) Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang muzik rock?
    - Apakah erti rock bagi encik Amir?
    - Apakah instrument yang diperlukan untuk menghasilkan muzik rock?

## **SOALAN SPESIFIK**

### **PILIHAN KERJAYA**

#### **BOLEHKAH ENCIK AMIR CERITAKAN PERMULAAN ENCIK TERLIBAT DALAM INDUSTRI NYANYIAN?**

1. Bila Encik mula menceburkan diri dalam bidang nyanyian?
2. Bagaimana encik boleh terlibat dalam bidang nyanyian?
3. Siapa yang memainkan peranan besar yang membawa encik dalam nyanyian?

### **UJIBAKAT**

#### **BOLEH ENCIK KONGSIKAN SERBA SEDIKIT TENTANG UJIBAKAT YANG ENCIK SERTAI?**

1. Sebelum mendapat peranan sebagai vokalis, adakah encik terlibat dengan sesi ujibakat?
  - a) Apakah nama ujibakat yang encik sertai?
  - b) Bilakah ujibakat tersebut dibuat?
  - c) Dimana ujibakat itu dilakukan?
  - d) Apa lagu yang encik nyanyikan sewaktu ujibakat tersebut?

- e) Siapakah juri yang terlibat semasa ujibakat tersebut?
- f) Bagaimana suasana ujibakat pada ketika itu?
- g) Bagaimana perasaan encik pada masa itu?

### **PENGALAMAN AWAL**

#### **BOLEH ENCIK CERITAKAN PENGALAMAN AWAL DALAM KARIER ENCIK SEPANJANG MENJADI SEORANG PENYANYI?**

1. Bilakah encik memulakan karier encik sebagai penyanyi berkumpulan ?
  - a) Boleh encik ceritakan sedikit mengenai kumpulan UKAYS?
  - b) Bagaimana nama “UKAYS” dipilih sebagai nama kumpulan encik?
  - c) Boleh encik senaraikan ahli kumpulan UKAYS?
  - d) Berapakah lagu yang terhasil ketika menjadi penyanyi berkumpulan?
  - e) Apakah peranan encik Amir dalam ahli kumpulan?
  - f) Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap kumpulan UKAYS pada ketika itu?
2. Adakah encik Amir pernah sertai kumpulan muzik lain sebelum sertai kumpulan UKAYS?
  - a) Bolehkah kami tahu nama kumpulan tersebut?
  - b) Bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang kumpulan tersebut?
    - Bagaimana kumpulan tersebut ditubuhkan?
    - Apa peranan encik Amir ketika berada di dalam kumpulan tersebut?
    - Berapa lama encik Amir sertai kumpulan tersebut?
    - Mengapa encik Amir berpecah dengan kumpulan tersebut?
    - Adakah encik masih lagi berhubung dengan ahli kumpulan tersebut?

3. Apakah lagu pertama yang encik nyanyikan semasa karier awal encik sebagai seorang penyanyi?
  - a) Bolehkah encik kongsikan maksud tersirat dalam lagu tersebut?
  - b) Apakah genre lagu tersebut?
  - c) Bagaimana penerimaan masyarakat berkaitan lagu yang dibawa encik pada masa itu?
4. Apakah syarikat rakaman pertama yang encik Amir berkolaborasi bersama?
  - a) Berapa lamakah encik berkolaborasi bersama syarikat rakaman tersebut?
  - b) Dimanakah lokasi syarikat rakaman tersebut?
  - c) Boleh encik kongsikan pengalaman pertama encik semasa di syarikat rakaman?
  - d) Apakah pendapat encik tentang syarikat rakaman dahulu dan sekarang?

## **ALBUM**

### **BOLEH ENCIK AMIR CERITAKAN SERBA SEDIKIT TENTANG PEMBUATAN ALBUM SEPANJANG ENCIK AMIR BERGIAT DALAM INDUSTRI NYANYIAN?**

1. Berapa banyak album yang sudah dikeluarkan sepanjang encik bergelar sebagai seorang penyanyi?
  - b) Album manakah yang mendapat sambutan hangat daripada pendengar?
  - c) Apakah tajuk 1<sup>st</sup> album yang dikeluarkan oleh encik?
    - Siapakah yang terlibat dalam pembuatan album tersebut?
    - Album tersebut berkisahkan tentang apa ?
  - d) Apakah album yang seringkali menjadi pilihan encik semasa membuat persembahan?

e) Sepanjang encik mengeluarkan album, album manakah yang memberi kesan mendalam terhadap encik Amir ?

- Apakah tajuk album tersebut?
- Mengapa album tersebut memberi impak yang mendalam kepada diri encik?
- Apakah kisah disebalik album tersebut sehingga encik berasa terkesan?

### **MUZIK VIDEO**

#### **BOLEH ENCIK AMIR CERITAKAN SERBA SEDIKIT MENGENAI PEMBUATAN MUZIK VIDEO ?**

1. Apakah pengalaman encik amir sepanjang pembuatan muzik video yang paling dingati ?
  - Apakah tajuk muzik video tersebut?
  - Mengapa muzik video yang memberi impak yang mendalam dalam diri encik?
  - Apakah cerita disebalik pembuatan muzik video tersebut sehinggakan encik berasa terkesan?
2. Siapa pelakon-pelakon yang terlibat semasa pembuatan video muzik?
  - Adakah encik mengambil artis yang dikenali ramai?
  - Dimanakah lokasi pengambaran muzik video?

## **KENANGAN MANIS**

### **APAKAH KENANGAN MANIS YANG ENCIK AMIR LALUI SEPANJANG BERGELAR SEORANG PENYANYI?**

1. Adakah encik Amir mempunyai kenangan manis sepanjang mencebur nyanyian atau muzik?
  - a. Apakah kenangan yang manis yang masih segar dalam ingatan encik sehingga sekarang sepanjang berada di dalam industri muzik?
  - b. Adakah encik Amir pernah melalui sesuatu peristiwa yang mungkin lebih kepada peribadi encik seperti dorongan dan sokongan oleh keluarga encik ?
  - c. Apakah Kenangan manis bersama ahli kumpulan atau rakan artis yang encik Amir pernah berkerjasama?

## **KENANGAN PAHIT**

### **APAKAH KENANGAN PAHIT YANG ENCIK AMIR LALUI SEPANJANG BERGELAR SEORANG PENYANYI?**

1. Jika encik Amir tidak keberatan, bolehkah encik amir kongsikan kenangan pahit yang encik Amir tidak boleh lupakan sehingga kini sepanjang mencebur nyanyian atau muzik?
  - a. Liku-liku kehidupan yang encik tidak dapat lupakan sepanjang berada di dalam industri muzik ?
  - b. Apakah kenangan pahit yang encik pernah lalu bersama ahli kumpulan UKAYS?
  - c. Apakah kenangan pahit bersama krew-krew produksi yang pernah encik bekerjasama?

## **PERKEMBANGAN**

### **BOLEH ENCIK KONGSIKAN SERBA SEDIKIT MENGENAI PERKEMBANGAN ENCIK SEKARANG ?**

1. Apakah perkembangan semasa Encik Amir sekarang?
  - a. Selain menyanyi, adakah encik pernah melibatkan diri dalam bidang seni yang lain?
    - **(Jika lakonan)** Boleh encik ceritakan serba sedikit berkaitan dengan bidang itu?

## **KERJAYA LAIN**

### **APAKAH KERJAYA LAIN YANG ENCIK AMIR CEBURI SELAIN DARIPADA BIDANG NYANYIAN?**

1. Selain menyanyi, apakah punca rezeki encik?
  - a. **(Jika perniagaan/ dan lain lain)** Mengapa encik Amir memilih perniagaan tersebut?
  - b. Adakah encik mempunyai rakan kongsi di dalam perniagaan tersebut?
  - c. Sejauh mana perniagaan itu membantu dalam kehidupan encik?
  - d. Semasa berlakunya pandemic covid-19, adakah encik mengalami masalah?
    - Boleh encik ceritakan serba sedikit masalah yang di hadapi oleh encik ketika itu?

## **ANUGERAH**

1. Apakah anugerah yang pernah encik perolehi sepanjang menceburi bidang nyanyian?
  - a. Anugerah manakah yang memberi impak kepada encik Amir sepanjang menjadi seorang anak seni ?
  - b. Apakah pencapaian terbaik yang pernah encik capai dalam karier sebagai penyanyi?
  - c. Mengapakah anugerah tersebut berharga dalam hidup encik Amir?
  - d. Apakah pengiktirafan yang diterima oleh encik sehingga membuatkan encik Amir ingat sampai ke hari ini ?

## **SUMBANGAN**

### **SEPANJANG MENJADI SEORANG PENYANYI, APAKAH SUMBANGAN YANG PERNAH ENCIK AMIR PEROLEHI?**

1. Sepanjang menjadi seorang penyanyi, apakah sumbangan yang pernah encik Amir peroleh sepanjang menjadi seorang artis?
  - a) Apakah bentuk sumbangan yang pernah encik Amir berikan dalam industri seni?
    - Karya/ lagu yang dikeluarkan yang membuat orang ingat sampai bila-bila?
  - b) Apakah bentuk sumbangan yang pernah encik Amir berikan kepada masyarakat?
    - Konsert/ persembahan yang tidak mengambil dan bayaran.
    - Derma kepada badan-badan kebajikan/ yang memerlukan
  - c) Apakah bentuk sumbangan yang pernah kepada rakan-artis yang lain?
  - d) Adakah encik Amir dan rakan-rakan yang terdekat pernah melakukan aktiviti kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan?

## **HARAPAN**

1. Apakah harapan encik terhadap industri seni pada masa kini?
  - a. Adakah encik mempunyai impian atau harapan yang belum tercapai?
  - b. Apakah perancangan encik untuk masa hadapan dalam bidang nyanyian?
  - c. Apakah nasihat encik Amir kepada artis baharu yang akan mencebur ke bidang muzik?
  - d. Apakah harapan industri muzik tanah air pada masa akan datang?

#### 11.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
11 Oktober 2021	0800-0950 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah mendengar dan memahami penerangan yang diberikan oleh Puan Siti Noorsiah tentang sejarah lisan.</li> <li>Beliau menerangkan berkaitan topik yang perlu dilakukan iaitu Tokoh Artis Veteren.</li> <li>Puan Siti Noorsiah menerangkan kriteria - kriteria yang perlu ada pada tokoh yang dipilih</li> </ul>
12 Oktober 2021	1300-1500 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah melakukan pencarian Tokoh Artis Veteren menggunakan media sosial seperti Instagram, Facebook dan Google.</li> <li>Menjumpai tokoh Faizal Hussein, Rahmad Mega, Hamidah Wahab, dan Amir Ukays yang sesuai untuk dijadikan tokoh.</li> </ul>
13 Oktober 2021	0800-0950 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah mendengar dan memahami penerangan Puan Siti Noorsiah berkaitan kertas kerja yang perlu dilakukan.</li> <li>Berbincang bersama untuk melakukan kertas kerja berdasarkan kriteria yang diperlukan.</li> </ul>
16 Oktober 2021-18 Oktober 2021	1300-1500 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi Encik Amir Ukays untuk bertanya tentang persetujuan beliau untuk menjadi tokoh artis veteran</li> </ul>
20 Oktober 2021	0800-0950 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> <li>Puan Siti Noorsiah memberikan penerangan dan contoh berkaitan dengan senarai soalan yang perlu dilakukan untuk sesi temubual bersama tokoh.</li> </ul>

22 Oktober 2021	2100-2200 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapat persetujuan daripada tokoh untuk dijadikan sebagai tokoh artis veteren.</li> </ul>
23 Oktober 2021	1000-1230 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemilihan akhir iaitu tokoh artis veteren yang dipilih adalah Mohd Azmir bin Muhammad Yusof (Amir Ukays)</li> <li>Bertanya kepada tokoh tentang tarikh sesi 1 dan sesi 2 dan juga platform untuk melakukan sesi 1 dan sesi 2.</li> <li>Encik amir bersetuju untuk melakukan sesi 1 pada 5/11/2021 melalui panggilan telefon.</li> </ul>
24 Oktober 2021	1700-1800 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka kertas kerja dan memahami berkaitan kertas kerja.</li> <li>Melakukan pembahagian tugas berkaitan kertas kerja secara bersama</li> </ul>
25 Oktober 2021	1700-1800 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berbincang bersama berkaitan pendahuluan, latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan permasalahan kajian.</li> </ul>
26 Oktober 2021	2000-2100 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berbincang bersama berkaitan kajian literatur, metodologi kajian dan rumusan.</li> </ul>
31 Oktober 2021	1500-1550 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah melakukan sesi perundingan bersama Puan Siti Noorsiah berkaitan dengan kertas kerja yang dilakukan.</li> </ul>
1 November 2021	2000-2100 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah merangka soalan temubual bersama mengikut kriteria yang diminta.</li> </ul>
1 November 2021	1102-1200 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah membuat panggilan telefon untuk sesi 1 bersama tokoh.</li> </ul>
10 November 2021	0800-0950 DK2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah mendengar penerangan Puan Siti Noorsiah berkaitan dengan</li> </ul>

		pembuatan transkrip bersama dengan contoh yang diberikan.
14 November 2021	0800-1700 UFuture	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melakukan rundingan bersama Puan Siti Noorsiah berkaitan kertas kerja dan soalan temubual.</li> <li>Penghantaran kertas kerja dan soalan temubual.</li> </ul>
15 November 2021	2000-2200 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapat surat kebenaran keluar kampus daripada Madam Noorsiah melalui platform Whatsapp.</li> <li>Bertanya kepada tokoh tentang anugerah yang diperolehi beliau dan mendapat gambar anugerah yang diperolehi beliau. tokoh berkongsi lokasi tempat ingin berjumpa untuk temubual iaitu sesi 2.</li> </ul>
18 November 2021	1000-1300 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tokoh menghantar pesanan melalui Whatsapp untuk bertukar tarikh temubual kepada 25 November 2021.</li> </ul>
23 November 2021	1000-1300 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghantar pesanan kepada tokoh melalui Whatsapp untuk pengesahan tempat dan masa temubual pada 25 November 2021.</li> </ul>
24 November 2021	2000-2200 Damansara	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah melakukan perbincangan dan persiapan terakhir sebelum sesi temubual yang sebetulnya.</li> </ul>
25 November 2021	0800-1230 Naili's Sentul Restaurant	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berjumpa dengan tokoh di Naili's Restaurant selama 2 jam 17 minit untuk ditemu bual.</li> </ul>
28 November 2021	0800-1130 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah berbincang bersama untuk memahami dalam melakukan transkrip.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah melakukan pembahagian kerja untuk transkrip.</li> </ul>
1 Disember 2021	0800-0950 DK2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah mendengar penerangan Puan Siti Noorsiah berkaitan dengan pembuatan artikel bersama dengan contoh dan format yang sebetulnya.</li> </ul>
12 Disember 2021	2100-2300 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbincangan bersama untuk menyelesaikan bahagian transkrip yang memerlukan penambahan.</li> </ul>
20 Disember 2021	2000-2200 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>Zahirah dan Nabilah melakukan semakan terakhir bahagian transkrip sebelum dibukukan.</li> </ul>
31 Disember 2021	1000-1230 Kulai	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penghantaran transkrip ke kedai untuk dibukukan.</li> </ul>
9 Januari 2022	0800-1700 BK2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penghantaran transkrip yang telah dibukukan bersama salinan transkrip dan CD.</li> </ul>

## 11.5 GAMBAR, SIJIL-SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN



